MyIPO

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA




# 2015
## LAPORAN TAHUNAN
## ANNUAL REPORT

# KANDUNGAN
# *CONTENT*


Profil Korporat
*Corporate Profile* 03

Perutusan
*Messages* 07

Anggota Perbadanan
*Member of Corporation* 19

Kumpulan Pengurusan
*Management Team* 25

Diari Korporat 2015
*2015 Corporate Diary* 30

Prestasi Harta Intelek
*Intellectual Property Performances* 47

Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
*Regional and Global Cooperation* 69

Pembangunan Organisasi
*Organisation Development* 83

Pemerkasaan Harta Intelek
*Empowering Intellectual Property* 93

Laporan Kewangan
*Financial Report* 101

Penyata Kewangan 2015
*Financial Statement 2015* 113

Perancangan 2016
*Planning for 2016* 156





# PROFIL KORPORAT

## CORPORATE PROFILE

# PROFIL KORPORAT
# CORPORATE PROFILE

## PROFIL KORPORAT

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan sistem harta intelek serta bertindak sebagai agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

MyIPO mentadbir dan menguatkuasakan Perundangan Harta Intelek yang terdiri daripada Akta Cap Dagangan 1976, Akta Paten 1983, Akta Hak Cipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Akta Petunjuk Geografi 2000 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

MyIPO merupakan agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran harta intelek di Malaysia. MyIPO turut mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dan menyediakan latihan harta intelek yang dikendalikan oleh Akademi Harta Intelek.

## CORPORATE PROFILE

*The Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) was established when the Intellectual Property Corporation of Malaysia Act 2002 came into force on 3 March 2003. MyIPO is a statutory body responsible for administration and development of intellectual property. MyIPO acts as an agent of the Government under the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (MDTCC).*

*MyIPO administers and enforces Intellectual Property Legislation namely the Trade Marks Act 1976, the Patents Act 1983, the Copyright Act 1987, the Industrial Designs Act 1996, the Layout Designs of Integrated Circuits Act 2000, Geographical Indications Act 2000 and subsidiary regulations.*

*MyIPO is the sole agency that provides intellectual property registration in Malaysia. MyIPO also organizes awareness programmes on the importance of intellectual property protection and provides training on intellectual property conducted by the Intellectual Property Academy.*

## VISI

Menjadi salah sebuah organisasi harta intelek terbaik.

## VISION

*To be one of the leading intellectual property organisations.*

## MISI

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek.

## MISION

*Providing strong legal infrastructure and effective administration regime to enhance greater creativity and exploitation of intellectual property.*

## OBJEKTIF

- mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan;
- memperkukuhkan perundangan harta intelek;
- menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna;
- menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek; dan
- menyediakan khidmat nasihat harta intelek.

## OBJECTIVE

- *establishing a strong and effective administration;*
- *strengthening intellectual property laws;*
- *providing comprehensive and user friendly information on intellectual property;*
- *promoting public awareness programmes on the importance of intellectual property; and*
- *Providing advisory services on intellectual property.*

# LAGU RASMI
# OFFICIAL SONG

## Bersama Myipo

Verse 1
Paten Idea Baru Ciptaan
Perlindungan Kami Berikan
Juga Cap Dagangan Hakcipta
Dikenali Di Seluruh Dunia

Verse 2
Kreatif Serta Yang Asli
Reka Bentuk Pemaju Industri
Masyhur Seantero Negeri
Petunjuk Geografi

Chorus 1
Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Pemudah Pendaftaran, Ciptaan
Efisien Dan Juga Mesra

Bridge
Meletakkan Negara Malaysia
Setanding Dengan Negara Yang Maju
Menjamin Semua Perlindungan
Hak Harta Intelek

Chorus 2
Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Bersikap Profesional, Sedia
Dalam Segala Tindakan

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO

*Komposer / Composer : Dato' Wah Idris*
*Lirik Oleh / Lyrics By : MyIPO*



# PERUTUSAN

## *MESSAGES*

# PERUTUSAN MENTERI
## MINISTER FOREWORD



*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera.*

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang berjaya mengekalkan pencapaian yang baik bagi tahun 2015, disusuli dengan inisiatif-inisiatif baharu dan berimpak tinggi dalam usaha mentransformasikan landskap harta intelek untuk menjadi lebih dinamik, inovatif dan kompetitif.

Saya berbangga dengan pembangunan hala tuju *Roadmap for IP Monetisation* yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak pada 10 September 2015 bagi meneruskan kelangsungan ekosistem pembiayaan harta intelek di negara kita. Pelan ini telah menggariskan tiga teras utama iaitu kaedah untuk menjadikan harta intelek sebagai aset kewangan, menjana pulangan komersial melalui harta intelek serta menambah baik *IP Marketplace* sebagai hab perdagangan harta intelek.

Selain itu, inisiatif pembangunan *Technology and Innovation Support Centers (TISCs)* juga telah menyaksikan kerjasama strategik yang lebih kukuh antara MyIPO dan *World Intellectual Property Organization (WIPO)* melalui *Service-Level Agreement* yang telah ditandatangani pada Oktober 2015. Inisiatif ini mendapat sambutan yang baik dengan penyertaan tiga universiti awam iaitu Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Sabah serta institut penyelidikan iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai *Host Institutions.*

Penubuhan TISCs ini dilihat dapat mengukuhkan hubungan antara para penyelidik, universiti, pusat penyelidikan tempatan dan masyarakat umum melalui perkongsian maklumat terkini berkenaan projek penyelidikan yang sedang atau telah dijalankan. Inisiatif juga bertujuan supaya tidak berlaku pertindihan penyelidikan dan seterusnya menggalakkan penghasilan produk-produk inovasi.

Kerajaan turut prihatin dalam menangani isu berkaitan kesihatan awam khususnya untuk mengguna pakai peruntukan lesen wajib secara berkesan dalam sektor farmaseutikal. Penerimaan *Protocol Amending the TRIPs Agreement* pada

*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt and Selamat Sejahtera.*

*My heartiest congratulations to Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) for yet another year of sustained success in the wake of new initiatives that had high impact in efforts to transform the local intellectual property landscape into a more dynamic, innovative and competitive one.*

*I am proud of the development of the Roadmap for IP Monetisation which was launched by The Honorable Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak, on 10 September 2015, to ensure the continuation of the intellectual property financing ecosystem in our country. The Roadmap outlines three main pillars, namely, to transform intellectual property into financial assets, to generate commercial returns through intellectual property and enhance the IP marketplace as a trading hub for intellectual property.*

*In addition, the initiative to develop the Technology and Innovation Support Centres (TISCs) has helped strengthen strategic cooperation between MyIPO and World Intellectual Property Organization (WIPO) and this has resulted in the signing of the Service-Level Agreement in October 2015. This initiative was very well received with the participation of three public universities, namely, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Pahang and Universiti Malaysia Sabah as well as Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) as Host Institutions.*

*The establishment of TISCs is seen as a means of fostering relationships among local researchers, universities, research institutes and community at large through the sharing of latest information from ongoing and previously conducted research projects. It will also help to avoid duplication in research and also encourage production of innovative products.*

*At the same time, the Government is also concerned about public health issues, particularly with regards to the adoption of the compulsory license provisions in the pharmaceutical sector. The acceptance of the Protocol Amending the*

10 Disember 2015 membolehkan Kerajaan menggunakan kebolehsuaian di bawah Deklarasi Doha. Antara kebolehsuaian protokol ini adalah mengimport produk farmaseutikal berpaten semasa negara dalam keadaan darurat atau keterdesakan melampau dan mengilang serta mengeksport apa-apa produk farmaseutikal berkaitan ke negara-negara yang tidak mempunyai kemampuan mencukupi atau tiada kemampuan untuk mengilang.

*TRIPs Agreement on 10 December 2015 allows the Government to take advantage of flexibility under Doha Declaration. This includes importing and manufacturing patented pharmaceutical products during national emergency, as well as exporting such products to countries that do not have sufficient or no manufacturing capability to do so to safeguard access to medicines.*

Kerajaan akan memastikan Malaysia terus kekal berdaya saing ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan memperkasakan inovasi dan menumpukan kepada kesejahteraan rakyat. Saya mengucapkan syabas kepada MyIPO atas penganjuran Anugerah Harta Intelek Negara 2015 yang telah memperkenalkan satu lagi kategori baharu iaitu Pereka Cipta Harta Intelek. Di bawah kategori ini, pelajar institut kemahiran atau setaraf berpeluang untuk mengetengahkan produk inovasi dan reka cipta mereka yang berpotensi untuk dipaten dan dikomersilkan.

*The Government strives to ensure that Malaysia remain competitive by empowering innovations and focusing on the wellbeing of the people towards achieving high income nation. My congratulations to MyIPO for organising the National Intellectual Property Awards 2015 which introduced a new category of Intellectual Property Inventor. Under this category, students from skill-training or equivalent institutes have the opportunity to introduce innovative products or inventions with the potential to be patented and commercialised.*

Saya percaya, dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berterusan ini serta kerjasama yang lebih kukuh antara MyIPO, industri dan masyarakat mampu memastikan aspirasi Malaysia menjadi negara maju dapat dicapai melalui pemerkasaan harta intelek

*I believe that with the continuous implementation of those initiatives as well as the effective cooperation between MyIPO, industries and the community at large, IP empowerment will be a factor in achieving Malaysia's aspiration towards becoming a developed nation*

Sekian, terima kasih.

*Thank you.*

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
*Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*



# PERUTUSAN PENGERUSI
## CHAIRMAN'S FOREWORD



*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera.*

Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya saya diberi kesempatan untuk membentangkan Laporan Tahunan MyIPO 2015 dan menyampaikan perutusan ini bagi pihak Anggota Perbadanan.

Saya percaya sepanjang tahun 2015, setiap warga kerja MyIPO telah memainkan peranan yang sewajarnya bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dap at dilaksanakan secara cekap, berkesan serta mesra pelanggan.

**Prestasi Kewangan 2015**

Pada 2015, MyIPO telah mencatat pendapatan keseluruhan berjumlah RM84.81 juta dengan peningkatan 2.1% (2014:RM83.06 juta). Jumlah pendapatan tersebut merangkumi pendapatan operasi termasuk hasil operasi dari pejabat-pejabat cawangan iaitu RM74.92 juta, meningkat sebanyak 4% (2014:RM72.04 juta).

Pendapatan operasi terdiri daripada cap dagangan RM46.18 juta, paten RM22.9 juta, reka bentuk perindustrian RM5.66 juta, permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta RM166,476 dan petunjuk geografi RM15,600.

Pendapatan bukan operasi yang terdiri daripada sewaan ruang pejabat dan pusat latihan, pendapatan faedah serta pelunasan Geran Kerajaan turut menyumbang kepada pendapatan MyIPO berjumlah RM9.88 juta, menunjukkan penurunan sebanyak 10.43% (2014:RM11.03 juta).

**Pencapaian 2015**

Pada 2015, sejumlah 45,623 permohonan harta intelek telah diterima dengan peningkatan 3.1% (2014:44,241). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,907 adalah permohonan paten dengan peningkatan 1.9% (2014:7,760), 35,923 adalah permohonan cap dagangan dengan peningkatan 3.9% (2014:34,571) dan 31 permohonan petunjuk geografi dengan peningkatan 10.7% (2014:28). Manakala, permohonan bagi reka bentuk perindustrian

*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera.*

*I would like to express my deepest gratitude to Allah S.W.T for giving me the opportunity to present MyIPO 2015 Annual Report and to deliver this statement on behalf of the Members of the Corporation.*

*I believe that throughout 2015 MyIPO staff has performed their best to ensure that the delivery system was efficient, effective and customer-friendly.*

***Financial Performance 2015***

*In 2015, MyIPO recorded a total income of RM84.81 million, an increase of 2.1% (2014: RM83.06 million). Total income consists of RM74.92 million of including operational income from branch offices an increase of 4% compared with RM72.04 million in 2014.*

*Operating revenue consisted of income from trademarks with RM46.18 million, patents RM22.9 million, industrial designs RM5.66 million, Copyright Voluntary Notification applications RM166,476 and geographical indications RM15,600.*

*Non-operating income comprised office and training centre rentals, interest income and amortisation of government grants which contributed to the total MyIPO income of RM9.88 million, a decline of 10.43% (2014: RM11.03 million).*

***Achievements 2015***

*In 2015, a total of 45,623 intellectual property applications were received, an increase of 3.1% (2014:44,241). From the total, 7,907 were patents applications an increase of 1.9% (2014:7,760), 35,923 were trade marks applications, an increase of 3.9% (2014:34,571) and 31 were geographical indications applications which increased by 10.7% (2014:28). Applications for industrial designs declined by 6.4% to 1,762 (2014:1,882). A total of 2,882 Copyright Voluntary*

menurun sebanyak 6.4% iaitu 1,762 permohonan (2014:1,882). Bagi Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela pula telah menerima sebanyak 2,882 permohonan, iaitu peningkatan sebanyak 22.7% (2014: 2,349).

*Notifications applications were received, an increase of 22.7% (2014:2,349).*

Bagi pendaftaran harta intelek pula, sejumlah 33,021 pendaftaran telah dicatatkan dengan peningkatan 2.8% (2014:32,106). Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 2,908 adalah pemberian geran paten dengan peningkatan 5.3% (2014:2,762), manakala pendaftaran cap dagangan adalah sebanyak 28,800 dengan peningkatan 5% (2014:27,428). Permohonan reka bentuk perindustrian yang telah didaftarkan pula adalah 1,301 dengan penurunan 31.2% (2014:1,891). Pendaftaran petunjuk geografi sebanyak 12, menunjukkan penurunan 52% (2014: 25).

*There were 33,021 intellectual property registrations were recorded, an increase of 2.8% (2014: 32,106). From the total, 2,908 were granted patents, an increase of 5.3% (2014:2,762), while 28,800 were trade marks registrations, an increase of 5% (2014:27,428). For industrial design, 1,301 applications were registered, a decreased of 31.2% (2014: 1,891). Registrations for geographical indications show a decreased of 52%, a total of 12 applications (2014:25).*

MyIPO sentiasa mempergiat aktiviti turun padang, promosi dan program seperti seminar, bengkel, latihan dan pameran mengenai harta intelek di seluruh negara. Program-program ini adalah sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan kefahaman awam mengenai sistem harta intelek di samping menggalakkan pendaftaran harta intelek. Sepanjang 2015, MyIPO telah mengadakan sebanyak 389 program.

*MyIPO actively conducted awareness campaign, promotion and programmes such as seminars, workshops, training and exhibitions on intellectual property throughout the country. It is a part of MyIPO's continuous efforts to increase the public understanding on intellectual property system as well as to encourage intellectual property registration. In 2015, MyIPO has conducted 389 such programmes.*

**Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

***Corporate Social Responsibility***

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan salah satu usaha murni MyIPO dalam mendekati dan membantu masyarakat. Sehubungan itu, MyIPO telah menganjurkan pelbagai aktiviti kebajikan dan program sosial. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah pemberian derma kepada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, mualaf dan golongan yang memerlukan.

*MyIPO considers Corporate Social Responsibility as a noble mission to reach out to society. Towards this end, it has organised various welfare and social activities such as giving donation to the unfortunate such as the orphans, single mothers, Muslim converts and those in need.*

Di samping itu, MyIPO juga menganjurkan program seperti Majlis Berbuka Puasa, Majlis Hari Raya serta program-program lain termasuklah aktiviti kerohanian seperti bacaan Yassin, kelas mengaji Al-Quran dan kuliah agama.

*Other programmes included breaking of fast, Hari Raya celebration and spiritual activities such as Yassin recitals, Al-Quran recitation classes and religious talks.*

**Perancangan 2016**

***Plans 2016***

MyIPO akan terus memainkan peranan penting sebagai organisasi yang mampu mencorakkan pembangunan harta intelek di negara kita.

*MyIPO will continue to play an important role in shaping the development of intellectual property in our nation. Accordingly, several new*

Sehubungan dengan itu, beberapa program dan inisiatif baharu akan dilaksanakan pada 2016. Antaranya adalah Perjanjian *Patent Prosecution Highway (PPH)* antara MyIPO dan *European Patent Office (EPO), IP Financing – Banks & VCs Syndication, IP Funtastic, IP Portal for Youngsters, IP Handbook* untuk *Paten, IP Day Flash Mob* dan *IP "Knock-Door Approach"*

*programmes and initiatives will be implemented in 2016. Plans include the agreement on Patent Prosecution Highway (PPH) between MyIPO and the European Patent Office (EPO), IP Financing - Banks and VCs Syndication, IP Funtastic, IP Portal for Youngsters, IP Handbook for Patent, IP Day Flash Mob and IP "Knock-Door Approach"*

**Penghargaan**

Saya amat berbangga dengan semangat dan dedikasi yang ditunjukkan oleh warga kerja MyIPO dalam memastikan setiap inisiatif dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, stakeholders dan pihak media atas sokongan berterusan serta kepercayaan kepada MyIPO dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta efisien.

Akhir kata, saya optimis MyIPO akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang menyumbang kepada kemajuan sistem harta intelek negara seiring dengan aspirasi Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

***Appreciation***

*I am very proud of the enthusiasm and dedication shown by MyIPO staff to ensure successful implementation of the planned programmes and initiatives. I would also like to express my highest appreciation and gratitude to the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, stakeholders and media for their continuous support and trust in MyIPO to deliver the best and most efficient service.*

*Lastly, I am optimistic that MyIPO will continue to implement high impact initiatives that will contribute to the progress of the national intellectual property system in line with Malaysia's aspiration to become a high-income nation.*

*Thank you.*

DATO' SRI HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia
*Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia*

# PERUTUSAN
## KETUA PENGARAH
## DIRECTOR GENERAL'S FOREWORD



*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera.*

Pendekatan MyIPO pada tahun 2015 lebih memfokuskan kepada program kelangsungan ekosistem pembiayaan harta intelek dan aktiviti pengeksploitasian hak harta intelek di samping penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada.

Persidangan *Global IP Valuation Conference (GIPVC)* yang merupakan platform penting bertujuan membentang dan membincangkan praktis terbaik bagi mengoptimum dan mengeksploitasi hak harta intelek telah berjaya dianjurkan buat kali kedua pada 9 hingga 10 Jun 2015 bertemakan "Ideas2Value: Accelerate ASEAN". GIPVC 2015 turut memberi fokus kepada golongan belia terutamanya Generasi Y melalui slot *Youth Un-Conference* yang diwakili oleh 'community leaders' dari 12 buah negara-negara ASEAN.

Dalam memainkan peranan membantu dan menyokong golongan usahawan tempatan, MyIPO melalui program *1 ASEAN Entrepreneurship Summit* telah diberikan tanggungjawab untuk mengelolakan Program *IP Connect* yang merangkumi *IP Talk*, *IP Clinic* dan *IP Filing*. Melalui program-program ini, MyIPO menawarkan informasi harta intelek, khidmat nasihat daripada perunding-perunding harta intelek secara eksklusif, dan menawarkan dana kepada para peserta yang berkelayakkan untuk memfailkan permohonan pendaftaran cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hakcipta.

Sementara itu, MyIPO juga memperkemaskan infrastruktur teknologi maklumat melalui pelaksanaan *Security Posture Assesstment (SPA)* bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan sistem dan keselamatan ICT yang menimbulkan risiko kepada infrastruktur IT MyIPO. Ujian-ujian penembusan dan semakan yang dilaksanakan oleh projek SPA ini seterusnya dapat menambahbaik tahap keselamatan ICT, aplikasi web, infrastruktur sistem rangkaian, perkakasan dan pelayan-pelayan sistem MyIPO.

Selain daripada semua inisiatif di atas, jentera MyIPO juga telah diperkukuhkan dengan pengurusan sumber manusia yang lebih efektif. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan ialah menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada

*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum wbt and Selamat Sejahtera.*

*In 2015, MyIPO's focus was on the continuation of the intellectual property financing ecosystems programme, activities which exploited intellectual property rights and improving the existing service delivery system.*

*The Global IP Valuation Conference (GIPVC), which serves as an important platform to present and discuss best practices to optimise and exploit intellectual property rights, was successfully organised for the second time on 9 - 10 June 2015. GIPVC, which had "Ideas2Value: Accelerate ASEAN" as its theme, also gave focus to the Gen Y group with a Youth Un-Conference represented by community leaders from 12 ASEAN countries.*

*In playing its role in assisting and supporting local entrepreneurs, MyIPO through 1 ASEAN Entrepreneurship Summit Programme was tasked to organise the IP Connect Programme which include IP Talk, IP Clinic and IP Filing. MyIPO offered information on intellectual property and exclusives advisory services from consultants through this programme as well as providing funds to qualified participants to register their trademarks, industrial designs and copyrights.*

*MyIPO also streamlined its information technology infrastructure through the implementation of Security Posture Assessment (SPA) to identify weaknesses in the system and ICT security which exposed the MyIPO IT infrastructure to risks. Penetration testing performed by SPA Project helped to improve MyIPO's level of security for ICT, web applications, network infrastructure systems, hardware and servers.*

*In addition to the initiatives mentioned, MyIPO's workforce has empowered through an effective human resource management. One of the initiatives being implemented was the signing of the Corporate Integrity Pledge on 20 November*

20 November 2015. Ini membuktikan komitmen MyIPO untuk meneruskan usaha membina warga kerja dan organisasi yang memiliki nilai sosial, moral, etika, kerohanian, dan integriti yang tinggi.

Pada masa yang sama, jalinan kerjasama sedia ada antara MyIPO dan media sebagai rakan kongsi strategik turut membantu dalam usaha menyebarluaskan informasi berkenaan program-program MyIPO. Media memainkan peranan besar dalam membentuk pola pemikiran masyarakat seterusnya mengambil tindakan proaktif bagi melindungi hak harta intelek mereka. Keakraban ini diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti santai seperti program MyIPO Media Sehati Sejiwa yang diadakan di Pahang dan *MyIPO Chillax Session* yang diadakan di Kuala Lumpur.

Adalah menjadi harapan saya agar seluruh warga kerja MyIPO, *stakeholders* dan rakan media akan terus memberikan sokongan penuh terhadap program-program yang dilaksanakan dalam usaha menjayakan agenda pemerkasaan bidang harta intelek negara.

Sekian, terima kasih.

DATO' SHAMSIAH BINTI KAMARUDDIN
Ketua Pengarah Perbadanan
Harta Intelek Malaysia
*Director General of Intellectual*
*Property Corporation of Malaysia*

*2015, an indication of MyIPO's commitment to continue its efforts to instill a high level of integrity with social values, morals, ethics, spirituality among staff and organisation itself.*

*Meanwhile, the existing cooperation between MyIPO and media as a strategic partner has helped in disseminating information on MyIPO's programmes. Media plays a major role in influencing society to take proactive action to protect their intellectual property rights. The camaraderie between MyIPO and media was further strengthened by leisure activities such as MyIPO Media Sehati Sejiwa programme in Pahang and MyIPO Chillax Session in Kuala Lumpur.*

*It is my hope that MyIPO's staff, stakeholders and the media will continue to give their full support in implementing the programmes towards the success and empowerment of the nation's intellectual property agenda.*

*Thank you.*

# ANGGOTA PERBADANAN

## *MEMBER OF CORPORATION*

# ANGGOTA PERBADANAN
# MEMBERS OF CORPORATION



## YB DATO' SRI HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
Pengerusi

YB Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Politik dari *Golden State University, California, Amerika Syarikat.*

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian, Pengerusi Majlis Perunding Koperasi, Pengerusi Rakan Alam Sekitar bagi Parlimen Paya Besar, dan Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad.

*Chairman*

*YB Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail was appointed as Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010.*

*He holds a Masters in Political Science from Golden State University, California, USA.*

*He is a Member of Parliament for Paya Besar constituency, Kuantan, Pahang. He is also the Chairman of Agricultural Development Council, Consultative Council of Co-operatives, "Rakan Alam Sekitar" for the Paya Besar constituency, and a Board Member of Felcra Berhad.*

## YBHG. DATUK SERI PANGLIMA THAM NYIP SHEN



YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Mac 2011.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik (Kepujian) dari University of Manchester. Beliau adalah Pengerusi Ecoglove Asia Pacific Sdn Bhd, yang menjadi peneraju dalam bidang teknologi pemprosesan semula sarung tangan automatik di dunia.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan serta Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

*YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 March 2011.*

*He graduated with a BSc (Hons) in Electronic and Electrical Engineering from University of Manchester. He is the founder and Executive Chairman of EcoGlove Asia Pacific Sdn Bhd, the pioneer in automatic glove reprocessing technology in the world.*

*At MyIPO, he is currently the Chairman of Audit Committee, a Member of Nomination and Remuneration Committee as well as a Member of Investment Committee.*

## YBHG. DATO' BASARUDDIN BIN SADALI



YBhg. Dato' Basaruddin bin Sadali telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 5 Februari 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Syracuse, New York, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi. Antara jawatan utama yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengarah Bahagian Saraan (2009) dan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (2010) di Jabatan Perkhidmatan Awam. Kini, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, yang mana sebelumnya beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) pada tahun 2013 di Kementerian yang sama.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Saraan serta Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

*YBhg. Dato' Basaruddin bin Sadali was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 5 February 2014.*

*He holds a Bachelor Degree of Arts from University of Malaya and Master in Public Administration from University of Syracuse, New York, USA.*

*He has extensive experience in administering and managing of an organisation. Among the key positions he has held was Director of Remuneration Division (2009) and as Director of Organisational Development Division (2010) at Public Service Department of Malaysia. Previously in 2013, he was the Deputy Secretary General (Franchise & Consumerism), Ministry of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism before his current position as the Deputy Secretary General (Domestic Trade) in the same ministry.*

*At MyIPO, he is the Chairman of Nomination and Remuneration Committee and a Member of Investment Committee.*

## ENCIK PETER DESMOND WEE TIAN PENG



Encik Peter Desmond Wee Tian Peng telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 15 Januari 2010.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Surrey, London.

Beliau merupakan Presiden Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Ahli Jawatankuasa Harta Intelek Majlis Peguam, Ahli Asian Patent Attorney Association (APAA) dan Ahli Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS).

Beliau juga merupakan Pengerusi dan Pengasas Bersama International Intellectual Property Commercialization Council (IIPCC) Malaysian.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan.

*Mr Desmond Wee Tian Peng was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 15 January 2010.*

*He earned his Bachelor's Degree of Laws (LLB Hons.) from University of Malaya and Masters of Business Administration from University of Surrey, London.*

*He is the President of Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), a Member of the Intellectual Property Committee Bar Council, a Member of Asian Patent Attorney Association (APAA) and a Member of Malaysian Invention and Design Society (MINDS).*

*He is also the Chairman and Co-Founder of International Intellectual Property Commercialization Council (IIPCC) Malaysian.*

*At MyIPO, he sits as the Chairman of Investment Committee as well as a Member of Nomination and Remuneration Committee.*



## YBHG. DATO' SHAMSIAH BINTI KAMARUDDIN

YBhg. Dato' Shamsiah binti Kamaruddin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah dan Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 September 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi/ Kewangan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari New Hampshire College, Amerika Syarikat.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Perolehan B dan Jawatankuasa Kontrak dan Sebutharga. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan.

*YBhg. Dato' Shamsiah binti Kamaruddin was appointed as Director General and Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 September 2014.*

*She earned her Bachelor Degree of Science in Economics/Finance and Master of Business Administration (MBA) from New Hampshire College, USA.*

*At MyIPO, she is the Chairman of Procurement Board B and Contract and Quotation Committee. She is also a Member of Investment Committee and a Member of Nomination and Remuneration Committee.*

## YM TUNKU DATUK NAZIHAH BINTI TUNKU MOHD RUS



YM Tunku Datuk Nazihah binti Tunku Mohd Rus telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 16 November 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sijil Dalam Diplomasi, Universiti Oxford, United Kingdom.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dengan memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Luar Negara semenjak tahun 1969. Pada tahun 1997, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran dan Hal Ehwal Am) dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Hal Ehwal Pelbagai Hala), Kementerian Luar Negara pada tahun 1999. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara adalah Duta Besar Malaysia di Republik Perancis yang turut ditauliahkan serentak bagi Republik Portugal.

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Audit.

*YM Tunku Datuk Nazihah binti Tunku Mohd Rus was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 16 November 2014.*

*She holds a Bachelor of Arts (Hons.) from University of Malaya and Certificate in Diplomacy from Oxford University, United Kingdom.*

*She has extensive experience in diplomacy by beginning her career as Assistant Secretary at Ministry of Foreign Affairs since 1969. In 1997, she was appointed as Deputy Secretary General (Administration and General Affairs) and thereafter as Deputy Secretary General (Multilateral Affairs), Ministry of Foreign Affairs in 1999. Her last position before retirement was as Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Malaysia to the Republic of France and concurrently accredited to the Republic of Portugal.*

*At MyIPO, she is a Member of Investment and Audit Committee.*



## YBRS. PUAN LAILAH BINTI CHE MOHD DARUS

YBrs. Puan Lailah binti Che Mohd Darus telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 15 Mei 2014.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Ohio, Amerika Syarikat.

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam semenjak tahun 1982 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Awam, beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Ahli Jawatankuasa Audit serta Ahli Jawatankuasa Kontrak.

*YBrs. Puan Lailah binti Che Mohd Darus was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 15 May 2014.*

*She holds a Bachelor of Arts (Hons.) from the National University of Malaysia and Master of Business Administration (MBA) from Ohio, USA.*

*Starting her career in public service since 1982 as Assistant Secretary at the Ministry of Public Enterprises, she is currently the Under Secretary of Innovation and Commercialisation Division in Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).*

*At MyIPO, she is a Member of Investment Committee, a Member of Audit Committee as well as Procurement Board B.*

## YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Januari 2014.

*YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 January 2014.*

Beliau memiliki Diploma Pengurusan/ Pentadbiran Perniagaan dari Newlands International College, Ireland, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Columbia Holistic University, California, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of New Castle, Amerika Syarikat.

*He holds a Diploma of Business Management/Administration from Newlands International College, Ireland, Bachelor of Business Administration from Columbia Holistic University, California, USA and Master of Business Administration (MBA) from University of New Castle, USA.*

Beliau pernah menjadi Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Sarawak (2007 – 2009).

*He has served as Political Secretary to the Chief Minister of Sarawak (2007 – 2009).*

Kini, beliau adalah Ahli Majlis Kerja Tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) dan juga Ahli Parlimen bagi kawasan Sibuti, Sarawak.

*Currently, he is a Member of Supreme Council Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) as well as a Member of Parliament for Sibuti, Sarawak.*

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan.

*At MyIPO, he is a Member of Audit Committee as well as a Member of Nomination and Remuneration Committee.*





## YBRS. TUAN MAD YUSOFF ABDUL RAHMAN

YBrs. Tuan Mad Yusoff Abdul Rahman telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Julai 2014.

*YBrs. Tuan Mad Yusoff Abdul Rahman was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 July 2014.*

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sejak tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Imigresen Malaysia, beliau kini merupakan Ketua Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

*Starting his career in public service since 1981 as Assistant Director at the Department of Immigration Malaysia, he is currently the Head of Section, Central Contract and Panel, Government Procurement Division, Ministry of Finance.*

Di MyIPO, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

*At MyIPO, he is a Member of Audit Committee and Investment Committee.*



# KUMPULAN PENGURUSAN

## *MANAGEMENT TEAM*

# PENGURUSAN
# MANAGEMENT




**Dato' Shamsiah Kamaruddin**
Ketua Pengarah
*Director General*



**Tuan Hj. Mohd Shahar Osman**
Timbalan Ketua Pengarah (Korporat)
*Deputy Director General (Corporate)*



**Abdul Aziz Ismail**
Timbalan Ketua Pengarah (Harta Industri)
*Deputy Director General (Industrial Property)*



**Zulkarnain Muhammad**
Penolong Ketua Pengarah
*Assistant Director General*



**Siti Eaisah Mohamad**
Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Perhubungan Antarabangsa
*Senior Director of Policy and International Affairs*



Faridah Kasmadi
Ketua Seksyen Formaliti Cap Dagangan
*Head of Trademark Formality Section*



Azahar Abdul Razab
Pengarah Kanan Bahagian Cap Dagangan & Petunjuk Geografi
*Senior Director of Trademark and Geographical Indications Division*



Norainan Abd. Latip
Ketua Seksyen Pendengaran Cap Dagangan
*Head of Trademark Hearing Section*



Badi'ah Haji Abbas
Ketua Unit Petunjuk Geografi
*Head of Geographical Indications Unit*



Nurzalina Badruddin
Ketua Seksyen Rayuan Cap Dagangan
*Head of Trademark Appeal Section*



Fatimah Rohada Dahalan
Pengarah Seksyen Pemeriksaan Paten(Kejuruteraan)
*Director of Patent Examination Section (Engineering)*



Kamal Kormin
Pengarah Kanan Bahagian Paten
*Senior Director of Patent Division*



Norsita Ismail
Pengarah Seksyen Pemerikasaan Paten (Sains & Pengetahuan Tradisional)
*Director of Patent Examination Section (Applied Science and Traditional Knowledge)*



Mohammad Amran Abas
Pengarah Seksyen Formaliti Paten
*Director of Formality Patent*



Ir. Mohamad Salzeli Moktar
Jurutera Residen
*Resident Engineer*



Sh. Ariffin Sh. Mohd Nor
Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
*Senior Director of Management Services and Human Resources Division*



Mohd Hisam Abu Hashim
Pengarah Seksyen Khidmat Pengurusan
*Director of Management Services Section*



Rahamatthunnisa Mohamed Nizamuddin
Penasihat Undang-undang/ Setiausaha Perbadanan
*Legal Advisor/ Corporation Secretary*



Mohd Faiizudin Mohd Sharuji
Pengarah Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D)
*Director of Research and Development Division*



Mohamed Fairuz Mohd Pilus
Pengarah Bahagian Hakcipta
*Director of Copyright Division*



Mohd Razlan Hj. Abd. Hamid
Pengarah Bahagian Rekabentuk Perindustrian
*Director of Industrial Design Division*



Azizah Abd. Muis
Ketua Akauntan
*Chief Accountant*



Redzuan Ali
Pengarah Akademi Harta Intelek
*Director of Intellectual Property Academy*



Jamilah Kamaruddin
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
*Head of Corporate Communication Division*



Mohd Nor Hafiz Abd. Munir
Ketua Bahagian Integriti
*Head of Integrity Division*



Wan Ahmad Bukhari Wan Zakaria
Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat
*Manager Information Technology Division*



Abdul Sattar Harun
Ketua Bahagian Audit Dalam dan Pengurusan Kualiti
*Head of Internal Audit and Quality Management*



Law Sha Gek
Pengarah Cawangan Sabah
*Director of Sabah Branch*



Vincent Lejau
Pengarah Cawangan Sarawak
*Director of Sarawak Branch*



Mohd Suhezey Shafie
Pengarah Cawangan Zon Selatan (Johor Bahru)
*Director of Southern Zone (Johor Bahru) Branch*



Nur Saidatun Sheila Talib
Pengarah Cawangan Zon Timur (Kuantan)
*Director of East Coast Zone (Kuantan) Branch*



Mohd Radhi Ahmad
Pengarah Cawangan Zon Utara (Pulau Pinang)
*Director of Northern Zone (Penang) Branch*



Mohd Khairi Mohd Sahrum
Pengarah Cawangan Melaka
*Director of Melaka Branch*



# DIARI KORPORAT

## CORPORATE DIARY

# DIARI KORPORAT CORPORATE DIARY 2015

## Januari



30 Kunjungan hormat dari Malaysian Intellectual Property Association (MIPA)
*Courtesy call by Malaysia Intellectual Property Association*

## Februari



27 Kunjungan hormat dari Malaysian Invention and Design Society (MINDS)
*Courtesy call by Malaysian Invention and Design Society*



28 Bengkel Hakcipta di Sarawak
*Copyright workshop in Sarawak*

## Mac



03 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MyIPO 2014
*MyIPO Excellent Service Award 2014 ceremony*



10 Kunjungan Hormat dari DG TRADE of the European Commission
*Courtesy call by DG TRADE of The European Commission*



11 Kunjungan Hormat dari Mizuho Information and Research Institute Jepun
*Courtesy call by Mizuho Information and Research Institute Japan*



18 Lawatan rasmi dari Kolej Universiti Islam Melaka
*Official visit by College University Islam Melaka*



20 Kunjungan Hormat dari Kedutaan Itali
*Courtesy call by Italian embassy officials*




30 Lawatan Kerja dari European Patent Academy
*Working visit from European Patent Academy*



30 Bengkel Carian Paten
*Patent Search Workshop*

# April



06 Majlis Penyampaian Sijil Petunjuk Geografi Halia Bentong

*Presentation of Geographical Indication certificate for Bentong ginger*



09 Lawatan The Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)

*The visit of Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries ( MOPI )*



18 Hari Keluarga MyIPO

*MyIPO Family Day*



21 Bengkel Cap Dagangan dan Hak Clpta di Sarawak

*Trademark and Copyright workshop, Sarawak*



20 Perhimpunan Bulanan

*Monthly Assembly*



22 Pogram Kesedaran Harta Intelek di Sarawak

*Intellectual Property Awareness Programme, Sarawak*



23 Seminar Harta Intelek dan Warisan Etnik Sabah

*Intellectual Property and Ethnic Heritage Seminar, Sabah*



24 Majlis Bacaan Yassin

*Yassin recitation*

# Mei



07 Promosi Francais Malaysia ke Surabaya, Indonesia sempena Indonesia Franchise Business Concept

*Malaysia Franchise Promotion, Indonesia Franchise Business Concept Surabaya Indonesia*




14 Seminar Hakcipta Korea-Malaysia

*Korea-Malaysia Copyright Seminar*



25 Hari Betemu Pelanggan

# DIARI KORPORAT CORPORATE DIARY 2015

## Jun



09 Majlis Penlancaran GIPVC 2015
*GIVPC2015 launching ceremony*



23 Mesyuarat Dua Hala MyIPO dan European Patent Office
*Bilateral meeting between MyIPO and European Patent Office*



24 Kunjungan Hormat dari Japan Intellectual Property Association
*Courtesy call by Japan Intellectual Property Association*



26 Kunjungan Hormat International Chamber of Commerce Malaysia
*Courtesy call by International Chambers of Commerce Malaysia*

## Julai



07 Majlis Khatam Al-Quran
*Ceremony Khatam Al-Quran*



27 Lawatan Kerja dari Jianq Chyun Intellectual Property Group (JCIP) Taiwan
*Working visit by Jianq Chyun Intellectual Property Group Taiwan*



30 Majlis Penyampaian Sijil Inovasi Paten bagi Panel Ujian Rak Bom
*Presentation of patent innovation certificate for rack boom test panel*

## Ogos



11 Majlis Ramah Mesra Aidilfitri MyIPO 2015
*Aidilfitri celebration in MyIPO*



19 Mesyuarat dan Bengkel Latihan TISC
*Meeting and workshop training on TISC*

## September



10 Anugerah Harta Intelek Negara 2015
*National Intellectual Property Award 2015*



20 National IP Summer Camp 2015
*National IP Summer Camp 2015*

## Oktober



**05** Bengkel Pendaftaran Harta Intelek (Zon Pantai Timur)
*Intellectual Property Registration Workshop (East Zone)*



**07** Majlis Menandatangani MOU MyIPO dan European Patent Office (EPO)
*MyIPO and European Patent Office (EPO) MOU Signing Ceremony*



**09** MyIPO - WIPO Mendatangani Perjanjian Peringkat Perkhidmatan bagi Menubuhkan Technology and Innovation Support Centre (TISC) di Malaysia
*Signing of Service Level Agreement between MyIPO and WIPO to establish Technology and Innovation Support Centre in Malaysia*




**12** Majlis Mendatangani Memorandum Persefahaman MyIPO - MIMOS
*Signing of MoU between MyIPO and MIMOS*



**15** Seminar Penguatkuasaan Hakcipta Karya di Bidang Kandungan Kreatif
*Enforcement of Copyright Works in the Field of Creative Content Seminar*



**19** Kursus Latihan Lanjutan WIPO-DPMA-MyIPO dalam Bidang Bioteknologi
*WIPO-DPMA-MyIPO Advance Training Course in the Field of Biotechnology*



**29** 4th Series of IP Connect Programme
*4th Series of IP Connect Programme*

## November



**03** MyIPO-JPO-JETRO Patent Prosecution Highway (PPH) Seminar
*MyIPO-JPO-JETRO Patent Prosecution Highway (PPH) Seminar*




**09** Program Sehati Sejiwa MyIPO-Media



**20** Majlis Mendatangani Ikrar Integriti Korporat MyIPO
*Signing of MyIPO Corporate Integrity Pledge*



**30** Penyampaian Projek TISC di Galeri Makmal Transformasi Perkhidmatan Awam 2.0
*TISC Project Presentation at the PUBLIC Service Transformation Lab Gallery 2.0*







## ANUGERAH HARTA INTELEK 2015

Majlis Anugerah Harta Intelek 2015 telah diadakan pada 10 September di Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. Majlis dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan MyIPO.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Turut hadir adalah Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Hamzah Zainuddin dan Timbalannya Senator Dato' Seri Ahmad Bashah

## *NATIONAL INTELLECTUAL PROPERTY AWARD 2015*

*The National Intellectual Property Award 2015 ceremony was held on 10 September at the Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. The event was jointly organised by the Ministry of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism and MyIPO.*

*The ceremony was officiated by the Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Also present were the Deputy Prime Minister Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Minister of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism Dato' Hamzah Zainuddin and his deputy Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah, the Ministry's*






Md. Hanipah, Ketua Setiusaha Kementerian Dato' Sri Hj. Alias Ahmad, Pengerusi MyIPO Dato' Sri Abdul Manan Ismail, dan Ketua Pengarah MyIPO Dato' Shamsiah Kamaruddin.

Majlis Anugerah merupakan kemuncak Sambutan Hari Harta Intelek Negara yang diraikan pada 26 April setiap tahun. Anugerah yang berprestij telah diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam pembangunan, pengkomersilan dan pengurusan harta intelek di negara ini dan juga untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan generasi muda.

Anugerah baru telah diperkenalkan pada kali ini iaitu Perekacipta Harta Intelek khusus untuk perekacipta dari institusi-institusi. Selain daripada hadiah wang tunai dari MyIPO, pemenang juga akan menerima piala dan sijil dari World Intellectual Property Organisation.

*Secretary General Dato' Sri Hj. Alias Ahmad, MyIPO chairman Dato' Sri Abdul Manan Ismail, and MyIPO Director General Dato' Shamsiah Kamaruddin.*

*The award ceremony was the highlight of National Intellectual Property Day which is celebrated on 26 April annually. The prestigious award was introduced to give recognition to the people involved in the development, commercialisation and management of intellectual property in the country as well as to encourage creativity and innovation in the younger generation.*

*A new category of award – the Intellectual Property Inventor – was recently introduced for institutional inventors. Aside from a cash prize from MyIPO, the winner will also receive a trophy and certificate from the World Intellectual Property Organisation.*

## IP SUMMER CAMP 2015

Seramai 200 pelajar Sekolah Berasrama Penuh dari Zon Selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Bahru telah dipilih untuk mengikuti Program IP Summer Camp 2015 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan kerjasama bersepadu Bahagian Pengurusan Sekolah Asrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program tiga hari dua malam yang bermula pada 18 September hingga 20 September 2015 telah diadakan di Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Program IP Summer Camp 2015 telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Abdul Manan bin Ismail, Pengerusi MyIPO.

Program ini memberi tumpuan kepada pelajar sekolah menengah sebagai usaha mendidik mereka untuk mengenali, memahami dan menghormati harta intelek dengan pendekatan pembelajaran secara santai. Ia juga sebagai program meningkatkan kefahaman mengenai harta intelek di kalangan pelajar bagi membudayakan harta intelek dalam kehidupan mereka.

## *IP SUMMER CAMP 2015*

*Two hundred students from Fully Residential Schools from the southern zone – Negeri Sembilan, Melaka and Johor – were selected to participate the 2015 IP Summer Camp sponsored by the Ministry of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism. The Ministry's sponsorship was implemented through MyIPO in concert with the Fully Residential Schools Management and Excellent Schools Division and the Ministry of Education.*

*The three-day and two-night program was held on 18 – 20 September at the Tuanku Jafaar Secondary School, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. MyIPO Chairman YB Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail graced the occasion.*

*The program, which is based on a fun learning approach, focuses on educating students to recognize, understand and respect intellectual property. It also aimed at increasing understanding on intellectual property issues among students and to inculcate a culture of intellectual property development in their lives.*






Beberapa modul baharu telah diperkenalkan di dalam program tiga hari dua malam pada tahun ini. Ia diubahsuai dengan mengambil kira analisis terhadap Program *IP Summer Camp* tahun-tahun lalu. Antara modul baru tersebut adalah *IP Registration* yang memberi pendedahan berkenaan pemfailan harta intelek, *IP Walk* mengajar akan strategi pengkomersialan harta intelek serta *IP Valuation & IP Monetisation* yang memerlukan pelajar membuat penilaian harta intelek dan pembentangan bagaimana mendapatkan pembiayaan dalam menjadikan harta intelek mereka sebagai cagaran.

Modul - modul yang dilaksanakan di dalam program ini adalah bertujuan memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh bagi membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Keberhasilan pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan telah dinilai melalui beberapa aspek iaitu kefahaman, kreativiti, disiplin dan kerjasama.

Beberapa kategori telah dipertandingkan iaitu Hadiah Emas Harta Intelek, Hadiah Perak Harta Intelek, Hadiah Gangsa Harta Intelek, Peserta Kreatif dan Inovatif, Perserta Terbaik Lelaki dan Peserta Terbaik Perempuan.

*Based on analysis of previous camps, several new modules were introduced for the 2015 event. The new modules were IP Registration which taught participants on filing of intellectual property, IP Walk on commercialisation strategies and IP Valuation and IP Monetisation which required the students to make valuations of intellectual property and to make presentations on how to obtain financing using their intellectual property as collateral.*

*The new modules aimed at expanding the potential of the individual as a whole in order to form an intellectually, spiritually, emotionally and physically balanced personality.*

*The result of the activity - based learning process was evaluated from several aspects, that is, understanding, creativity, discipline and cooperation.*

*The competition categories were Intellectual Property Gold, Intellectual Property Silver, Intellectual Property Bronze, Creative and Innovative Participant, Best Male Participant and Best Female Participant.*



## LAWATAN KERJA RASMI YANG BERHORMAT MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN, DATO' SRI HASAN BIN MALEK BERSAMA DELEGASI KE CHINA

## *OFFICIAL WORKING VISIT TO CHINA BY MINISTER OF DOMESTIC TRADE, CO-OPERATIVES AND CONSUMERISM DATO' SRI HASAN BIN MALEK AND DELEGATION*

Pada 25 April sehingga 1 Mei 2015 satu Lawatan Kerja Rasmi ke China yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai KPDNKK, Ahli Perbadanan dan Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

*The Minister Of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism Dato' Sri Hasan Bin Malek made an official working visit to China from 25 April to 1 May 2015. Accompanying him was a delegation comprising Ministry officials and MyIPO officials.*





*Liancheng Asset Appraisal 27 April 2015*

MyIPO telah diwakili oleh Puan Lailah binti Che Mohd Darus, Ahli Perbadanan MyIPO, Puan Shamsiah Kamaruddin, Ketua Pengarah dengan diiringi oleh En Kamal Kormin, Pengarah Kanan Bahagian Paten, Puan Samirah Muzaffar, Ketua Unit Penilaian Harta Intelek, Puan Jamilah Kamaruddin, Ketua Komunikasi Korporat dan En Mohd Noor Hazman, Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa.

*MyIPO was represented by Member of Corporation Puan Lailah binti Che Mohd Darus; Director General Dato' Shamsiah Kamaruddin; Senior Director, Patents Division, En Kamal Kormin; Head of Intellectual Property Valuation Unit Puan Samirah Muzaffar; Head of Corporate Communications Puan Jamilah Kamaruddin; and Assistant Director, Policy and International Affairs Division, En Mohd Noor Hazman.*

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor penggalak; *key players;* mengkaji mekanisme yang boleh diadaptasi di dalam pasaran harta intelek di negara kita dan juga sebarang jalinan kerjasama yang boleh dilaksanakan. Hasil atau faedah yang diperolehi daripada lawatan kajian ini membolehkan pihak MyIPO mendapatkan informasi dan memahami faktor-faktor penting dalam menambahbaik kegiatan *IP Valuation, IP Financing* dan *IP Marketplace* yang boleh diaplikasikan di Malaysia.

*The purpose of the visit was to identify incentive factors, key players, review mechanisms which can be adapted to Malaysia's intellectual property marketplace as well as etablishing collaborative endeavours. The benefits derived from the visit enabled MyIPO to obtain information and understanding of important factors in improving IP Valuation, IP Financing and IP Marketplace in Malaysia.*

Di samping itu juga, satu mesyuarat dua hala (bilateral) bersama pihak State IP Office of China (SIPO) dan East Linden Science and Technology Co. Ltd. juga turut diadakan bagi menandatangani Surat Persefahaman (LOU) diantara MyIPO dengan SIPO dan MyIPO dengan East Linden. Surat Persefahaman (LOU) diantara MyIPO dengan pihak SIPO adalah mengenai *Data*

*At a bilateral meeting with the State IPO Office of China (SIPO) and East Linden Science and Technology Co. Ltd., a Letter of Understanding (LOU) was signed between MyIPO and SIPO and and East Lindern and MyIPO. The LOU between SIPO and MyIPO provided for a Data Exchange Agreement while the LOU between East Linden was for access to their Traditional Chinese*





*East Linden Science & Technology Co.Ltd 27 April 2015*

*Exchange Agreement* dengan pihak East Linden adalah mengenai *Traditional Chinese Medicine Database.* Hasil dan faedah daripada perjanjian LOU tersebut, pihak MyIPO dengan SIPO dapat bertukar- tukar data berkaitan Harta Intelek dan dengan East Linden dapat melanggan pangkalan data *Traditional Chinese Medicine.*

Lawatan kerja ini dibuat dalam dua negeri di China iaitu dua hari di Beijing dan satu hari di Shanghai. Sepanjang tempoh lawatan kerja tersebut, mesyuarat bersama dua institusi kewangan dan pinjaman yang memberi pembiayaan harta intelek, *IP Marketplace* serta agensi *IP Valuation* iaitu di Beijing ialah Liancheng Asset Appraisal Company; Torch Program Center, Ministry of Science and Technology (Torch Program, MOST); China Technology Exchange (CTEX) dan Bank of Beijing. Manakala lawatan di Shanghai ialah Shanghai Technology Transfer Exchange (STTE) dan Bay Valley.

*Medicine Database. MyIPO will benefit from the LOU with SIPO as both parties will be able to exchange data on intellectual property while the agreement with East Linden means that MyIPO would be able to make use of the Traditional Chinese Medicine database.*

*The delegation stayed two days in Beijing and one day in Shanghai. Meetings were held with financial and lending institutions which finance intellectual property, IP Marketplace and IP Valuation agencies in Beijing such as Liancheng Asset Appraisal Company, Torch Program Center under the Ministry of Science and Technology, China Technology Exchange and the Bank of Beijing. Meetings in Shanghai were held with Shanghai Technology Transfer Exchange and Bay Valley.*





*State of Intellectual Property of China (SIPO) 27 April 2015*





*Torch Center, Ministry of Science & Technology (MOSTI) 28 April 2015*

## IP MONETISATION ROADMAP

# STRATEGIC THRUSTS

**Thrust 1:**
**Transform IP Into Financial Assets**

Develop initiatives and specific programmes to boost confidence and acceptance of financiers and investors in recognising IP right as an asset of value. Encourage financial institutions, venture capital and investors to venture into the valuation of IP right, via the IP Valuation Model which provides the minimum requirements in valuing such IP right, and thereafter utilise such right as part of the asset collateralisation

**Thrust 2:**
**Mobilising IP Assets**

Leverage and unlock the potential from Ip by taking a more concerted and systematic approach in identifying these assets within the public and private sectors. Encourage these IP assets to be strategically mobilised to generate commercial returns. Existing initiatives and infrastructure namely, the availability of local IP valuers, the IP marketplace and numerous capacity and capability programmes can be expanded upon

**Thrust 3:**
**Enchance IP Marketplace to be a vibrant trading hub for IP**

The Goverment is cognisant of the need for a platform to allow IP gems to shine, and have adopted the concept of an IP Marketplace which is positioned as an initiative to build a web platform where Malaysian IP are made available for sale or licensing can be listed and promoted to a wide audience not just domestically but internationally. The IP Marketplace that has been initiated will be futher developed to ensure a more transparent, high transaction and dynamic marketplace via a more coherent public-private collaboration, for IP right which in turn will encourage better incentives to create, use, trade, transfer and assign IP assets.

Pelan Halatuju *IP Monetisation* dapat disediakan dan dilancar dengan rasminya pada 10 September 2015 sempena Majlis Anugerah Harta Intelek Negara oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

*IP Monetisation Roadmap* pada asasnya bertujuan untuk menangani harapan, keinginan, isu-isu utama dan masalah yang telah ditimbulkan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan mengenai bagaimana untuk meningkatkan dan mempercepatkan aktiviti pulangan wang masuk (monetisation) berkaitan dengan harta intelek dan menilai kadar kejayaan aktiviti harta intelek di Malaysia. Pelan hala tuju ini dilaksanakan dengan merujuk kepada tiga teras utama iaitu bidang *IP Valuation, IP Financing* and *IP Marketplace.*

*The IP Monetisation Roadmap was launched on 10 September 2015 by His Excellency the Prime Minister Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak in conjunction with the National Intellectual Property Award.*

*The IP Monetisation Roadmap basically aims at handling the expectations, desires, key issues and concerns which had been raised by various stakeholders on how to improve and speed up intellectual property monetization and to evaluate the success of intellectual property activities. The Roadmap has three pillars: IP Valuation, IP Financing and IP Marketplace.*

Pengkomersilan dan *monetisation* Harta Intelek adalah persamaan dan kejayaan yang penting untuk teras keseluruhannya bagi meletakkan Malaysia sebagai negara berasaskan pengetahuan dan pulangan inovasi melalui Program Transformasi Ekonomi Kerajaan yang boleh dikomersil dan dilabur serta penyebaran dan pemindahan pengetahuan yang dinyatakan sebagai pulangan ke atas pelaburan bagi sumber dan dana yang dibelanjakan dalam melaksanakan program-program transformasi.

*The commercialisation and monetisation of intellectual property is the equation and success is essential to the overall thrust to place Malaysia as a knowledge-based country and that returns from innovations through the Government Economic Transformation Program can be commercialized and invested, and that the dissemination and transfer of knowledge is expressed as a return from investment on resources and funds spent in implementing transformation programs.*

Pelbagai kajian dan laporan antarabangsa telah menunjukkan bukti bahawa Harta Intelek adalah merupakan satu komponen yang penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi dan kekuatan sesebuah negara dengan memberi kesan kepada KDNK negara, menambahkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan serta meningkatkan nilai firma. Ia juga selaras dengan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

*Various studies and international reports have proven that intellectual property is a key component of economic growth and strength of a country as it has impact on national GDP, job opportunites, income growth as well as on increasing the value of business enterprises. Such benefits are also in line with Malaysia's aspiration to be a high-income nation by 2020.*



# GLOBAL IP VALUATION CONFERENCE (GIPVC2015)

Global IP Valuation Conference 2015 (GIPVC2015) telah diadakan pada 8 hingga 10 Jun 2015 di Double Tree Hilton Kuala Lumpur dengan tema "Ideas2Value : Accelerate ASEAN" yang lebih tertumpu kepada rantau ASEAN dengan tiga teras utama iaitu:

i) *Pivot* ke arah fokus ASEAN dalam menyokong Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015;
ii) Mempercepatkan idea ekonomi dengan memanfaatkan idea, inovasi dan kreativiti untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan kemajuan teknologi yang ketara untuk komuniti ASEAN;
iii) Mengkomersil dan meletakkan nilai harta intelek sebagai kelas aset yang baru.

GIPVC2015 menyediakan platform kepada peserta industri dan usahawan untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dalam meningkatkan daya saing serta pengetahuan dalam penilaian harta intelek.

Berikut adalah senarai aktiviti dan bengkel yang diadakan :

*Global IP Valuation Conference 2015 (GIPVC2015) was held on 8 to 10 June 2015 at the Double Tree Hilton Kuala Lumpur with the theme " Ideas2Value : Accelerate ASEAN " focussing on the ASEAN region with three main thrusts :*

*i) Pivot towards ASEAN focus in supporting Malaysia 's Chairmanship of ASEAN in 2015;*
*ii) Accelerate economic ideas by leveraging ideas, innovation and creativity to spur economic growth and create significant technological advancement for the ASEAN community;*
*iii) Commercializing and capture the value of IP as a new asset class.*

*GIPVC2015 provides a platform for industry players and entrepreneurs to share their views and experiences to improve the competitiveness and knowledge in IP valuation .*

*Here is the full list of activities and workshops:*

| Bil<br>*No* | Tajuk Aktiviti/ Bengkel<br>*Activities Title/ Workshop* |
|---|---|
| 1. | Master Class 1 – Quantifying & Leveraging the Value IP |
| 2. | Master Class 2- IP Valuation for Universities & Research Institutes |
| 3. | Angel Investors Workshop – Mr. Ozan Sonmex, Angel Labs |
| 4. | Media IP & IP Workshop – Pn. Wong Jin Nee, Messrs Wong Jin Nee & Teo, En. Peter Willmott, WIPO Singapore dan En.Karamjit Singh, DNA.<br>*Media IP & IP Workshop – Pn. Wong Jin Nee, Messrs Wong Jin Nee & Teo, En. Peter Willmott, WIPO Singapore and En.Karamjit Singh, DNA.* |
| 5. | IP Klinik – dikendalikan oleh Konsultan daripada Adastra IP<br>*IP Klinik – run by Adastra IP Consultant* |
| 6. | Persidangan Meja Bulat – dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan dihadiri oleh 19 ketua agensi dan pihak berkepentingan dalam ekosistem IP.<br>*Roundtable - chaired by Hon. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar, the Secretary General of the Ministry of Finance and attended by 19 heads of agencies and stakeholders in the IP ecosystem.* |

GIPVC2015 telah dirasmikan oleh YB Senator Dato 'Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan kehadiran seramai 500 peserta yang terdiri daripada wakil jabatan/agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan harta intelek, pensyarah dan penyelidik daripada universiti atau institusi penyelidikan, usahawan daripada pelbagai industri serta rakan-rakan media.

Ucaptama program telah disampaikan oleh En Edward Jung dengan tajuk "Asia's Invention

*GIPVC2015 was officiated by YB Senator Dato 'Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Deputy Minister of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism with an attendance of 500 participants consisting of representatives from government departments/ agencies and NGOs related IP, lecturers and researchers from universities or research institutions, entrepreneurs from various industries as well as media partners.*

*Keynote program was presented by Mr. Edward Jung with the title of "America's Invention Boom-*



Boom-Ideas are the New Wealth".
4 sesi tema tajuk bagi setiap topik adalah seperti berikut :-

*(T) Trending: Eye in the Future Series*
*(R) Regional: Celebrating Regional Champion Series*
*(Y) Startup for youth: IP for Startups / Youth Track*
*(S) Specialist: Practical & Specialist Sessions*

Sesi Plenari dengan perbincangan tajuk *"Building a Vibrant Entrepreneurial Ecosystem"* menampilkan 3 orang ahli panel iaitu :-

- Edward Jung, Intellectual Ventures, Amerika Syarikat
- Scoft Gillespie, Jigsaw, UAE
- Earl Martin Valencia, Ideaspace Foundation, Philippines

Penutupan Sesi Plenari GIPVC2015 telah disampaikan oleh Pn. Samirah Muzaffar, dengan tajuk "Glam Up Your IP to Captivate the Market" dengan memfokuskan kepada isu-isu berikut:

1. Memanfaatkan inisiatif kerajaan untuk *IP Financing, IP Valuation* dan *IP Market Place;*
2. Mengambil peluang dalam program *IP Connect* dan dana pemfailan harta intelek yang disediakan;
3. Jadilah seperti usahawan yang berjaya di mana portfolio harta intelek mereka dikenalpasti dengan teliti, dilindungi dan diuruskan daripada awal;
4. Membuat keuntungan/wang daripada harta intelek yang boleh menjana kekayaan;
5. Mengetahui strategi pengurusan dan cara-cara untuk meningkatkan nilai harta intelek.

*Ideas are the New Wealth".*
*4 sessions of the title theme for each topic are as follows: -*

*(T) Trending: Eye in the Future Series*
*(R) Regional: Celebrating Regional Series champion*
*(Y) Startup for youth: IP for Startups / Youth Track*
*(S) Specialist: Specialist Practical & Sessions*

*Plenary session with a discussion entitled "Building a Vibrant Entrepreneurial Ecosystem" featuring three panel members, namely: -*

- *Edward Jung, Intellectual Ventures, United States*
- *Scoft Gillespie, Jigsaw, UAE*
- *Earl Martin Valencia, Ideaspace Foundation, Philippines*

*The Closing of GIPVC2015 plenary session was presented by Ms. Samirah Muzaffar, with the title "Glam Up Your IP to Captivate the Market" by focussing on the following issues:*

*1. Make use of the government's initiative to IP Financing, IP valuation and IP Market Place;*
*2. Take the opportunity in IP Connect program and intellectual property filings funds provided;*
*3. Be as a successful entrepreneur in which their intellectual property portfolio is wisely identified, protected and managed from the earlier stage;*
*4. Make profit / money from intellectual property to create wealth;*
*5. Aware of the management strategies and ways to increase the value of intellectual property.*








# PRESTASI HARTA INTELEK

## *INTELLECTUAL PROPERTY PERFORMANCE*

# PATEN DAN PERBAHARUAN UTILITI
## *PATENTS AND UTILITY INNOVATIONS*

Pada 2015, sejumlah 7,907 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 1.9% (2014:7,760). Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 1,375 permohonan atau 17.4%, manakala 6,532 atau 82.6% adalah permohonan luar negara.

*In 2015, a total of 7,907 patents and utility innovations applications were filed, an increase of 1.9% (2014:7,760). Local applications contributed to 1,375 or 17.4%, while 6,532 or 82.6% were foreign applications.*

Jumlah permohonan tempatan menurun sebanyak 4.4% (2014:1,439), manakala permohonan luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 3.3% (2014:6,321). Statistik bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 1 dan Rajah 1.

*The total number of local applications decreased by 4.4% (2014:1,439) while foreign applications showed an increase of 3.3% (2014:6,321). Statistics of Patents and Utility Innovations Applications from 2011 to 2015 are as shown in Table 1 and Figure 1.*

Jadual 1: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2011-2015).
*Table 1: Patents and Utility Innovations Applications (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 1,136 | 1,160 | 1,269 | 1,439 | 1,375 |
| Luar Negara *Foreign* | 5,423 | 5,867 | 6,081 | 6,321 | 6,532 |
| JUMLAH *TOTAL* | 6,559 | 7,027 | 7,350 | 7,760 | 7,907 |

Rajah 1: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2011-2015).
*Figure 1: Patents and Utility Innovations Applications (2011-2015).*



Rajah 2 menunjukkan 10 negara teratas bagi permohonan paten dan pembaharuan utiliti untuk bagi tahun 2015.

*Figure 2 shows the top ten countries for patents and utility innovations applications for the year 2015.*

Jadual 2 : Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2015).
*Table 2: Top Ten Countries for Patents and Utility Innovations Applications (2015).*




## Permohonan Paten Melalui *Patent Cooperation Treaty* (PCT)

## *Patent Cooperation Treaty (PCT) Applications*

Pada 2015, sebanyak 252 permohonan PCT telah dicatatkan dengan penurunan sebanyak 12.8% (2014:289). Statistik bagi Permohonan PCT dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Rajah 3.

*In 2015, a total of 252 PCT applications were recorded, a decrease of 12.8% (2014:289). Statistics of PCT Applications from 2011 to 2015 are as shown in Figure 3.*

Rajah 3: Permohonan PCT (2011-2015).
*Figure 3: PCT Applications (2011-2015).*



## Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan

*Patents Expedited Examination Applications*

Pada 2015, sejumlah 50 permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan telah difailkan (2014:58) yang mencatatkan penurunan sebanyak 13.8%. Statistik Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 2.

*In 2015, a total of 50 applications for patent expedited examination were filed (2014:58), a decrease of 13.8%. Statistics of Patents Expedited Examination Applications from 2011 to 2015 are as shown in Table 2.*

Jadual 2: Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan (2011 – 2015).
*Table 2: Patents Expedited Examination Applications (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan *Patents Expedited Examination Applications* | 34 | 9 | 109 | 58 | 50 |

## Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti

*Granted Patents and Certificates of Utility Innovations*

Pada 2015, sebanyak 2,908 pemberian geran paten dan perakuan perbaharuan utiliti telah dikeluarkan dengan peningkatan 5.3% (2014:2,762). Daripada jumlah tersebut, 360 atau 12.4% adalah geran paten tempatan dan 2,548 atau 87.6% adalah geran paten luar negara.

Pemberian geran paten tempatan menurun sebanyak 5.5% (2014:381) manakala pemberian geran paten luar negara pula meningkat 7% (2014:2,381). Statistik bagi Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti dari 2011 hingga 2015 adalah seperti di Jadual 3 dan Rajah 4.

*In 2015, a total of 2,908 granted patents and certificates of utility innovations were issued with an increase of 5.3% (2014:2,762). From that figure, 360 or 12.4% were local patents and 2,548 or 87.6% were foreign patents.*

*Local granted patents decreased by 5.5% (2014:381), however foreign granted patents increased by 7% (2014:2,381). Statistics of Granted Patents and Certificates of Utility Innovations from 2011 to 2015 are as shown in Table 3 and Figure 4.*

Jadual 3: Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2011-2015).
*Table 3: Granted Patents and Certificates of Utility Innovations (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 335 | 308 | 305 | 381 | 360 |
| Luar Negara *Foreign* | 2,057 | 2,193 | 2,386 | 2,381 | 2,548 |
| JUMLAH *TOTAL* | 2,392 | 2,501 | 2,691 | 2,762 | 2,908 |

Rajah 4: Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2011-2015).
*Figure 4: Granted Patents and Certificates of Utility Innovations (2011-2015).*




Rajah 5 menunjukkan sepuluh negara teratas bagi pemberian geran paten dan perakuan perbaharuan utiliti untuk sepanjang tahun 2015

*Figure 5 shows the top ten countries for granted patents and certificates of utility innovations for the year 2015.*

Rajah 5: Sepuluh Negara Teratas bagi Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2015).
*Figure 5: Top Ten Countries for Granted Patents and Certificates of Utility Innovations (2015).*



### Pemberian Paten Berasaskan Bidang Teknologi

Pada 2015, 2,908 pemberian geran paten telah dikeluarkan berasaskan bidang teknologi mengikut pecahan berikut:

Bidang teknologi keperluan manusia meningkat 0.7% dengan 542 paten (2014:538); pelaksanaan operasi, pengangkutan meningkat 14.9% dengan 494 paten (2014:430); manakala kimia, logam menurun 11.9% dengan 642 paten (2014:729); tekstil, kertas menurun 7.4% dengan 25 paten (2014:27); binaan tetap meningkat 4.5% dengan 161 paten (2014:154); kejuruteraan mekanikal, pencahayaan, pemanasan, senjata, letupan turut meningkat 32% dengan 198 paten (2014:150); fizik juga meningkat 6.3% dengan 352 paten (2014:331) dan bidang elektrik meningkat 22.6% dengan 494 paten (2014:403). Statistik Pemberian Paten Mengikut Bidang Teknologi adalah seperti di Jadual 7.

### *Granted Patents Based on Fields of Technology*

*In 2015, 2,908 granted patents were issued and the breakdown according to the fields of technology is as follows:*

*The fields of technology on human necessities increased by 0.7% with 542 patents (2014:538); performance operations, transporting increased by 14.9% with 494 patents (2014:430); however chemistry, metallurgy decreased by 11.9% with 642 patents (2014:729); textiles, paper also decreased by 7.4% with 25 patents (2014:27); fixed construction increased by 4.5% with 161 patents (2014:154); mechanical engineering, lighting, heating, weapons, blasting increased by 32% with 198 patents (2014:150); physics also increased by 6.3% with 352 patents (2014:331) and electricity also increased by 22.6% with 494 patents (2014:403). Statistics of Granted Patents Based on Fields of Technology are as shown in Table 7.*

Jadual 7: Pemberian Geran Paten Mengikut Bidang Teknologi (2011-2015).
*Table 7: Granted Patents Based on Fields of Technology (2011-2015).*

| Seksyen *Section* | Bidang Teknologi *Area of Technology* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| A | Keperluan Manusia *Human Necessities* | 404 | 445 | 523 | 538 | 542 |
| B | Pelaksanaan Operasi, Pengangkutan *Performing Operations, Transporting* | 402 | 424 | 393 | 430 | 494 |
| C | Kimia, Logam *Chemistry, Metallurgy* | 693 | 722 | 840 | 729 | 642 |
| D | Tekstil, Kertas *Textiles, Paper* | 28 | 25 | 36 | 27 | 25 |
| E | Binaan Tetap *Fixed Constructions* | 90 | 72 | 98 | 154 | 161 |
| F | Kejuruteraan Mekanikal, Pencahayaan, Pemanasan, Senjata, Letupan *Mechanical Engineering, Lighting, Heating,Weapons, Blasting* | 126 | 101 | 108 | 150 | 198 |
| G | Fizik *Physics* | 283 | 328 | 315 | 331 | 352 |
| H | Elektrik *Electricity* | 366 | 384 | 378 | 403 | 494 |
| JUMLAH *TOTAL* | | 2,392 | 2,501 | 2,691 | 2,762 | 2,908 |

### Pembaharuan Paten

Pada 2015, sebanyak 17,145 paten telah diperbaharui dengan peningkatan 1.4% (2014:16,904). Statistik Pembaharuan Paten dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Rajah 6.

### *Patent Renewals*

*In 2015, a total of 17,145 patents were renewed, an increase of 1.4% (2014:16,904). Statistics of Patent Renewals from 2011 to 2015 are as shown in Figure 6.*

Rajah 6: Pembaharuan Paten (2011-2015).
*Figure 6: Patent Renewals (2011-2015).*




## PROGRAM / AKTIVITI 2015

### *TECHNOLOGY AND INNOVATION SUPPORT CENTERS* (TISC)

Pada 14 Oktober 2015, MyIPO dan WIPO telah menandatangani *Service-Level Agreement* bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam membangunkan TISC di Malaysia.

Pembangunan TISC ini akan menyokong inovasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan menyediakan akses maklumat bagi semua bidang teknologi yang lebih menyeluruh bagi tujuan penyelidikan.

MyIPO telah menandatangani memorandum persefahaman dengan tiga universiti tempatan dan satu institusi penyelidikan untuk menjadi *Host Institution* bagi TISC.

### SEMINAR *PATENT PROSECUTION HIGHWAY* (PPH)

Pada 3 November 2015, seminar PPH telah diadakan dengan kolaborasi antara MyIPO, Japan Patent Office (JPO) dan Japan External Trade Organization (JETRO). Seminar ini merupakan satu platform untuk menggalakkan penggunaan PPH sebagai satu cara mempercepatkan pemeriksaan permohonan paten.

### KURSUS CARIAN DAN PEMERIKSAAN PATEN DALAM BIDANG BIOTEKNOLOGI DAN NANOTEKNOLOGI (ELEKTRONIK) BERSAMA TENAGA PAKAR JAPAN PATENT OFFICE (JPO)

Dari 13 Januari sehingga 20 Mac 2015, dua tenaga pakar daripada JPO iaitu Ms. Akiko Nishimura dan Mr. Takashi Hirano telah ditempatkan di MyIPO bagi membantu meningkatkan kemahiran carian dan teknik penulisan laporan pemeriksaan paten dalam bidang bioteknologi dan nanoteknologi (elektronik).

## *PROGRAMME / ACTIVITIES 2015*

### *TECHNOLOGY AND INNOVATION SUPPORT CENTERS (TISC)*

*MyIPO and WIPO have signed the Service-Level Agreement on 14 October 2015 to strengthen strategic cooperation in establishing TISCs in Malaysia.*

*The establishment of TISC supports Malaysia's innovation and economic growth by providing a more comprehensive access to information in all technological fields for research purposes.*

*MyIPO has signed a memorandum of understanding with three local universities and one research institution to become Host Institutions for TISC.*

### *SEMINAR ON PATENT PROSECUTION HIGHWAY (PPH)*

*On 3 November, a Patent Prosecution Highway seminar (PPH) was held in collaboration with MyIPO, Japan Patent Office (JPO) and Japan External Trade Organization (JETRO). The seminar served as a platform to promote PPH as a means to accelerate the examination of patent applications.*

### *TRAINING ON PATENT SEARCH AND EXAMINATION IN THE FIELDS OF BIOTECHNOLOGY AND NANOTECHNOLOGY (ELECTRONIC) WITH JPO EXPERTS*

*From 13 January to 20 March 2015, two experts from JPO, Ms. Akiko Nishimura and Mr. Takashi Hirano were attached to assist patent examiners with their search and examination skills and practices in the field of biotechnology and nanotechnology (electronics).*

# CAP DAGANGAN
# TRADE MARKS

## Permohonan Cap Dagangan

Permohonan cap dagangan mencatatkan kenaikan sebanyak 3.9% kepada 35,923 permohonan (2014:34,571). Permohonan tempatan meningkat 3.5% kepada 15,940 (2014:15,400) manakala permohonan luar negara mencatat peningkatan sebanyak 4.2% kepada 19,983 (2014:19,171). Permohonan tempatan menyumbang 44.4% manakala permohonan luar negara menyumbang 55.6% daripada jumlah keseluruhan permohonan.

Statistik Permohonan Cap Dagangan dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 1 dan Rajah 1.

## *Trade Marks Applications*

*Trade marks applications recorded an increase of 3.9% to 35,923 applications (2014:34,571). The total number of local applications increased by 3.5% to 15,940 applications (2014:15,400) while foreign applications increased by 4.2% to 19,983 (2014:19,171). Local applications contributed 44.4% while foreign applications contributed 55.6% of the total applications received in 2015.*

*Statistics of Trade Marks Applications from 2011 to 2015 are as shown in Table 1 and Figure 1.*

Jadual 1: Permohonan Cap Dagangan (2011-2015).
*Table 1: Trade Marks Applications (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 13,001 | 14,044 | 14,705 | 15,400 | 15,940 |
| Luar Negara *Foreign* | 15,832 | 17,832 | 17,520 | 19,171 | 19,983 |
| JUMLAH *TOTAL* | 28,833 | 31,876 | 32,225 | 34,571 | 35,923 |

Rajah 1: Permohonan Cap Dagangan (2011-2015).
*Figure 1: Trade Marks Applications (2011-2015).*



Rajah 2 menunjukkan Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan untuk sepanjang tahun 2015

*Figure 2 shows the top Top Ten Countries for Trade Marks Applications for the year 2015.*

Rajah 2: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan (2015).

*Figure 2: Top Ten Countries for Trade Marks Applications (2015).*




## Permohonan Melalui Sistem Pemfailan Atas Talian

## *Online Application Filings*

Jumlah permohonan melalui sistem pemfailan atas talian yang diterima adalah 22,245 iaitu peningkatan sebanyak 11.4% (2014:19,962). Permohonan tempatan meningkat sebanyak 5.1% kepada 6,650 (2014:6,330) manakala permohonan dari luar negara meningkat sebanyak 14.4% kepada 15,595 (2014:13,632)

*Total applications received through online filing were 22,245, an increase of 11.4% (2014:19,962). Local applications increased by 5.1% to 6,650 applications (2014:6,330) while foreign applications increased by 14.4% to 15,595 (2014:13,632).*

Statistik Permohonan Cap Dagangan Secara Atas Talian dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 2.

*Statistics of Trade Marks Online Application filings from 2011 to 2015 are as shown in Table 2.*

Jadual 2: Permohonan Cap Dagangan Secara Atas Talian (2011-2015).

*Table 2: Trade Marks Online Application Filings (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 2,360 | 3,410 | 5,018 | 6,330 | 6,650 |
| Luar Negara *Foreign* | 3,300 | 6,381 | 9,497 | 13,632 | 15,595 |
| JUMLAH *TOTAL* | 5,660 | 9,791 | 14,515 | 19,962 | 22,245 |

## Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan

## *Trade Marks Expedited Examination Applications*

Sebanyak 135 permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan telah diterima, mencatatkan penurunan sebanyak 58.8% (2014:328). Daripada jumlah tersebut, 113 permohonan telah difailkan oleh pemohon tempatan iaitu penurunan sebanyak 61.2% (2014:291). Permohonan dari luar negara menurun sebanyak 40.5% kepada 22 permohonan (2014:37).

*MyIPO has received 135 applications for Trade Marks Expedited Examinations, a decline of 58.8% (2014:328). Local applications recorded a decline of 61.2% to 113 applications (2014:291) while foreign applications reduced by 40.5% to 22 applications (2014:37).*

Permohonan untuk Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan menunjukkan penurunan memandangkan tempoh pendaftaran untuk permohonan biasa telah dapat dipendekkan kepada lapan bulan dari tarikh pemfailan.

*Request for Trade Marks Expedited Examination showed a decrease in applications since MyIPO has managed to shorten the pendency period of normal applications to eight months from the filing dates.*

Statistik Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 3.

*Statistics of Trade Marks Expedited Examination Applications from 2011 to 2015 are as shown in Table 3.*

Jadual 3: Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan (2011-2015).
*Table 3: Trade Marks Expedited Examination Applications (2011-2015) .*

| Tahun<br>*Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 83 | 169 | 288 | 291 | 113 |
| Luar Negara<br>*Foreign* | 33 | 129 | 30 | 37 | 22 |
| JUMLAH<br>*TOTAL* | 116 | 298 | 318 | 328 | 135 |

## Pendaftaran Cap Dagangan

## *Trade Marks Registrations*

Pendaftaran cap dagangan meningkat sebanyak 5% kepada 28,800 (2014:27,428). Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 10,529 atau 36.6% adalah pendaftaran cap dagangan tempatan, manakala 18,271 atau 63.4% adalah pendaftaran cap dagangan luar negara. Pendaftaran cap dagangan tempatan meningkat sebanyak 0.6% (2014:10,467), manakala pendaftaran cap dagangan luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 7.7% (2014:16,961).

*Trade marks registrations increased by 5% to 28,800 (2014:27,428). From the total registrations, 10,529 or 36.6% were local trade marks registrations while 18,271 or 63.4% were foreign trade marks registrations. Registration of local trade marks increased by 0.6% (2014:10,467) while foreign trade marks registrations increased by 7.7% (2014:16,961).*

Statistik Pendaftaran Cap Dagangan dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 4 dan Rajah 3.

*Statistics of Trade Marks Registrations from 2011 to 2015 are as shown in Table 4 and Figure 3.*

Jadual 4: Pendaftaran Cap Dagangan (2011-2015).
*Table 4: Trade Marks Registrations (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 10,201 | 9,765 | 9,777 | 10,467 | 10,529 |
| Luar Negara *Foreign* | 13,618 | 16,311 | 17,202 | 16,961 | 18,271 |
| JUMLAH *TOTAL* | 23,819 | 26,076 | 26,979 | 27,428 | 28,800 |

Rajah 3: Pendaftaran Cap Dagangan (2011-2015).
*Figure 3: Trade Marks Registrations (2011-2015).*




Malaysia    Luar Negara *Foreign*

Rajah 4 menunjukkan Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Cap Dagangan untuk sepanjang tahun 2015

*Figure 4 shows the top Top Ten Countries for Trade Marks Registrations for the year 2015.*



# REKA BENTUK PERINDUSTRIAN
# *INDUSTRIAL DESIGNS*

## Permohonan Reka Bentuk Perindustrian

MyIPO telah menerima 1,762 permohonan reka bentuk perindustrian, dengan penurunan sebanyak 6.4% (2014:1,882). Permohonan tempatan merekodkan sejumlah 627 permohonan atau 35.6% manakala permohonan luar negara adalah sebanyak 1,135 permohonan atau 64.4% daripada jumlah keseluruhan permohonan reka bentuk perindustrian.

Permohonan luar negara meningkat sebanyak 7.6% (2014:1,055) manakala permohonan tempatan menunjukkan penurunan sebanyak 24.2% (2014:827). Penurunan ini berdasarkan kecenderungan pemohon tempatan yang mengutamakan pendaftaran harta intelek yang lebih bernilai komersial.

Statistik Permohonan Reka Bentuk Perindustrian dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 1 dan Rajah 1.

## *Industrial Designs Applications*

*MyIPO has received 1,762 industrial designs applications, a decrease of 6.4% (2014:1,882). Local applications recorded 627 applications or 35.6% while foreign applications recorded 1,135 applications or 64.4% from the total number of industrial designs applications.*

*Foreign applications showed an increase of 7.6% (2014:1,055) meanwhile local applications experienced a decrease of 24.2% (2014:827). The reduction is due to local applicants' preference to prioritise registrations of intellectual property with better commercial values.*

*Statistics of Industrial Designs Applications from 2011 to 2015 are as shown in Table 1 and Figure 1.*

Jadual 1: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2011-2015).
*Table 1: Industrial Designs Applications (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 743 | 857 | 679 | 827 | 627 |
| Luar Negara *Foreign* | 1,128 | 1,225 | 1,374 | 1,055 | 1,135 |
| JUMLAH *TOTAL* | 1,871 | 2,082 | 2,053 | 1,882 | 1,762 |

Rajah 1: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2011-2015).
*Figure 1: Industrial Designs Applications (2011-2015).*



Rajah 2 menunjukkan Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian untuk sepanjang tahun 2015.

*Figure 2 shows the top Top Ten Countries for Industrial Designs Applications for the year 2015.*

Rajah 2: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2015).
*Figure 2: Top Ten Countries for Industrial Designs Applications (2015).*




### Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

### *Industrial Designs Registrations*

Sebanyak 1,301 reka bentuk perindustrian telah didaftarkan dengan penurunan sebanyak 31.2% (2014:1,891). Daripada jumlah tersebut, 418 atau 32.1% adalah pendaftaran tempatan manakala 883 atau 67.9% adalah pendaftaran luar negara.

Pendaftaran luar negara telah menurun sebanyak 35% (2014:1,359) manakala pendaftaran tempatan mencatatkan penurunan 21.4% (2014:532). Statistik Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian dari 2011 sehingga 2015 adalah seperti di Jadual 2 dan Rajah 3.

*In 2015, a total of 1,301 industrial designs were registered, showing a decrease of 31.2% (2014:1,891). 418 or 32.1% were local registrations while 883 or 67.9% were foreign registrations.*

*Foreign registrations showed a decrease of 35% (2014:1,359) while local registrations decreased by 21.4% (2014:532). Statistics of Industrial Designs Registrations from 2011 to 2015 are as shown in Table 2 and Figure 3.*

Jadual 2: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian (2011-2015).
*Table 2: Industrial Designs Registrations (2011-2015).*

| Tahun *Year* | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 714 | 744 | 698 | 532 | 418 |
| Luar Negara *Foreign* | 927 | 1,180 | 1,303 | 1,359 | 883 |
| JUMLAH *TOTAL* | 1,641 | 1,924 | 2,001 | 1,891 | 1,301 |

Rajah 3: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian (2011-2015).
*Figure 3: Industrial Designs Registrations (2011-2015).*




Rajah 4 menunjukkan Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian untuk sepanjang tahun 2015.

*Figure 4 shows the Top Ten Countries for Industrial Designs Registrations for the year 2015.*

MyIPO telah menyertai empat Misi Promosi Francais Malaysia di peringkat antarabangsa yang diketuai oleh KPDNKK . Program ini adalah sebagai satu platform bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan francais Malaysia serta mewujudkan peluang perniagaan bagi usahawan Malaysia di luar negara. Penyertaan MyIPO di dalam program ini adalah untuk berkongsi maklumat mengenai perlindungan harta intelek melalui pendaftaran di Malaysia dan mempromosikan perkhidmatan MyIPO.

Jadual 6 menunjukkan senarai pameran yang telah disertai oleh MyIPO pada 2015.

## *Participation in International Exhibitions*

*MyIPO participated in four international Malaysian franchise promotion missions which were led by the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism. The missions served as platforms for the promotion of products and services in the Malaysian franchise sector as well as to create business opportunities for Malaysian entrepreneurs overseas. MyIPO participated in the programme in order to share information on intellectual property protection in Malaysia and to promote its services.*

*Schedule 6 shows the exhibitions participated by MyIPO.*

Jadual 6: Senarai Pameran di Peringkat Antarabangsa 2015.
*Table 6: List of International Exhibitions 2015.*

| No. | Pameran / *Exhibition* | Tarikh / *Date* | Tempat / *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1. | *International Franchise, License & Business Concept Expo and Conference (IFRA) 2015* | 29 Mei – 2 Jun | *Indonesia* |
| 2. | *The Franchising & Business Opportunities Expo 2015* | 18 – 23 Ogos | *Australia* |
| 3. | *Be My Dealer: 13th Franchising & Brand Dealership Trade Fair* | 15 – 18 Okt | *Turkey* |
| 4. | *Franchising & Licensing Asia (FLASIA)* | 29 Okt – 1 Nov | *Singapore* |





# PEMBANGUNAN ORGANISASI

## *ORGANISATION DEVELOPMENT*

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
# HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

Misi MyIPO adalah menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek. Sehubungan itu, MyIPO sentiasa berusaha mendapatkan modal insan yang berwibawa dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi.

*MyIPO's mission is to provide a strong legal infrastructure and an efficient administration regime to enhance creativity and exploitation of intellectual property. In achieving to the objective, MyIPO makes every effort to develop a highly competent human capital and conversant in various fields, including science and technology.*

Seramai 20 orang pekerja baru telah dilantik bagi mengisi pelbagai jawatan pada tahun 2015 menjadikan jumlah keseluruhan pekerja adalah seramai 428 orang.

*20 new staff were recruited to fill various positions in 2015, bringing the total number of workforce to 428.*

## PROGRAM TRANFORMASI MyIPO

## *MyIPO TRANSFORMATION PROGRAMME*

Program Transformasi Biro Tata Negara (BTN) MyIPO telah diwajibkan bagi semua kakitangan bertaraf tetap di MyIPO sebagai syarat pengesahan dalam jawatan. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran, memperkukuhkan pengurusan serta meningkatkan khidmat penyampaian dalam merealisasikan matlamat organisasi.

*It is a compulsory requirement for all staff to attend the Biro Tata Negara MyIPO Transformation Programme as a condition for confirmation. The programme seeks to improve the administrative quality and to enhance delivery services toward achieving the organization goals.*

Program Transformasi BTN peringkat pertama telah diadakan di Ulu Sepri, Negeri Sembilan, pada 18 hingga 20 Mac 2015 manakala peringkat kedua telah diadakan di Sampadi Lundu, Sarawak pada 18 hingga 21 September 2015

*The first stage of the programme was held at Ulu Sepri, Negeri Sembilan from 18 to 20 March while the second stage was held in Sampadi Lundu, Sarawak from 18 to 21 September 2015.*

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

## *THE EXCELLENT SERVICE AWARD*

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan satu insentif yang diberikan oleh pihak pengurusan kepada pegawai yang telah memberikan mutu perkhidmatan atau kuantiti sumbangan yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.

*The Excellent Service Award is an incentive given for employees whose quality of service and contribution exceed the expectation of their responsibility and respective posts.*

Anugerah ini juga merupakan galakan kepada warga kerja MyIPO yang sentiasa memberikan prestasi kerja yang cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab kepada organisasi dan negara sepanjang tahun dinilai. Seramai 36 orang pegawai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2015.

*The award is also given as a ways of encouragement from the management to the employees who were excellent in performing their responsibilities to the organization and nation all throughout the year. Thirty-six officers was awarded the Excellent Service Award for the year 2015.*

## MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MyIPO adalah satu mediuam perantaraan antara pihak pengurusan dan pekerja ia berperanan dalam menjaga kepentingan pekerja serta mengatasi permasalahan yang dihadapi melalui forum perbincangan. Sepanjang 2015, MBJ telah bersidang sebanyak empat kali.

## *MONTHLY ASSEMBLY*

*MyIPO Joint Department Council (MBJ) is a medium between the management and employee to safeguard the employee's needs and to overcome any issues through discussions. Throughout 2015, the council has assembled four times.*

## PERHIMPUNAN BULANAN

Perhimpunan bulanan MyIPO diadakan bertujuan sebagai satu platform untuk pihak pengurusan menyampaikan perkembangan semasa dan isu-isu terkini organisasi kepada seluruh warga kerja. Sebanyak sembilan sesi perhimpunan bulanan telah diadakan sepanjang tahun 2015.

## *MONTHLY ASSEMBLY*

*MyIPO's monthly assembly serves as a platform for management to keep updating on current issues of the organization to all the staff. Nine monthly assemblies were successfully held in 2015.*

## MANUAL KESELAMATAN MyIPO

Manual Keselamatan Perlindungan MyIPO diterbitkan sebagai garis panduan bagi melaksanakan langkah-langkah keselamatan dalam tugasan seharian yang merangkumi aspek komitmen pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan ICT.

Manual keselamatan ini menetapkan darjah-darjah keselamatan yang sama mengikut prinsip-prinsip tertentu untuk dilaksanakan oleh semua jabatan dalam MyIPO. Setiap kakitangan MyIPO dikehendaki mematuhi arahan dan peraturan yang terkandung dalam manual ini supaya keselamatan perlindungan MyIPO lebih terjamin. Secara tidak langsung mewujudkan suasana kerja yang selamat berpandukan kepada Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

## *MyIPO SAFETY MANUAL*

*The MyIPO Safety Manual was published as a guide for the implementation of safety or security measures in performing daily task which includes management commitment aspects as well as the security of the physical, document, personal and ICT as whole.*

*The safety manual determines the degree of security required in accordance with the principles to be established by all the departments in MyIPO. Each employee is required to comply with the instructions and regulations in the manual to ensure all the security in MyIPO are safe and sound. Eventually creating a safe working environment according to the Security Instructions and the Official Secrets Act 1972.*

## MANUAL PENGURUSAN ASET

Manual Pengurusan Aset Alih disediakan untuk dijadikan panduan kepada kakitangan MyIPO. Manual Pengurusan Aset Alih ini menjelaskan struktur dokumen dan intipati Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan. Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan merupakan rujukan utama dalam amalan Pengurusan Aset Kerajaan yang lebih sistematik.

Objektif manual ini adalah untuk mengekalkan fungsi aset yang bersesuaian selaras dengan keberkesanan prestasi, kos yang efektif dan kawalan risiko supaya objektif dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dapat dipenuhi.

## *ASSET MANAGEMENT MANUAL*

*The MyIPO Asset Management Manual was made available as a tool guide for all the workforce of MyIPO. It defines the structure of the document and the principle of Government Asset Management Procedures and Practices. The manual acts as the main reference for a more systematic practices in government asset management.*

*The objective of this manual is to maintain the function of the corresponding assets in accordance with the effectiveness of the performance, cost- effective and risk controls to ensure that the objective and effective service delivery can be met.*

# INTEGRITI
# INTERGRITY

Bahagian Integriti berperanan untuk membudayakan integriti sebagai cara hidup, memupuk nilai-nilai murni sejagat serta memperteguh tadbir urus di kalangan warga kerja MyIPO dan bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras seperti berikut:

(a). Tadbir Urus
(b). Pengukuhan Integriti
(c). Pengesanan dan Pengesahan
(d). Pengurusan Aduan
(e). Pematuhan
(f). Tatatertib

Pada 2015, bahagian ini telah menjalankan pemeriksaan bagi memantau tadbir urus di semua Pejabat Cawangan MyIPO bertujuan untuk mencegah dan menambahbaik Standard of Procedure (SOP) di pejabat-pejabat cawangan agar dapat diselaraskan mengikut peraturan di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Di samping itu, Pengarah-Pengarah Cawangan juga telah didedahkan dengan penerapan budaya integriti bagi mewujudkan persekitaran organisasi yang telus di kalangan warga kerja MyIPO.

**MAJLIS IKRAR INTEGRITI KORPORAT**

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat MyIPO bertempat di Dewan Utama Akademi Harta Intelek pada 20 November 2015.

Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan YBhg Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge (CIP) merupakan satu dokumen self-regulatory yang menyatukan lima prinsip pencegahan rasuah seperti berikut:

*The Integrity Division plays a vital role in cultivating integrity as a way of life, instill good values and strengthening good governance among MyIPO staff and responsible to six core functions:*

*(a). Good governance*
*(b). Strengthening Integrity*
*(c). Detection and Verification*
*(d). Handling of Complains*
*(e). Compliance*
*(f). Disciplinary*

*The Integrity Division has conducted inspections to monitor the implementation of good governance at MyIPO branch offices as a prevention and to improve the Standard of Procedures at the branch offices in order for them to be in line with the existing regulations under the Statutory Corporations Act (Discipline and Surcharge) 2000 (Act 605). All the directors were encouraged to instill an integrity culture in order to create a transparent environment among the staff in the organization.*

***CORPORATE INTEGRITY PLEDGE CEREMONY***

*A signing ceremony of the The Corporate Integrity Pledge were held at the Main Hall of the Intellectual Property Academy on the 20 November 2015.*

*The ceremony was graced by the presence of YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah, Deputy Minister of Domestic Trade, Cooperatives and Conusmerism and YB Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope, Director of the Inspection and Consultation Division, Malaysian Anti Corruption Agency (MACC). The Corporate Integrity Pledge is a self-regulatory document encompassing five anti-corruption principles:*

1. Komitmen kepada mempromosi nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik
2. Pengukuhan kawalan dalaman yang menyokong pencegahan rasuah
3. Pematuhan kepada undang-undang, polisi dan prosedur yang melibatkan pencegahan rasuah
4. Memerangi sebarang bentuk amalan rasuah
5. Menyokong segala inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh SPRM

*1. Commitment to promote values of integrity, transparency and best governance.*
*2. Strengthening of internal controls to support anti-corruption.*
*3. In Compliance with the laws, policies and procedures involving prevention of corruption.*
*4. Against any forms of corruption practices.*
*5. Support all anti-corruption initiatives by the MACC.*

Tujuan ikrar ini ditandatangani adalah untuk memastikan pelaksanaan polisi dan prosedur pencegahan rasuah dan lima prinsip integriti korporat berjalan seperti yang sewajarnya di MyIPO.

*The objective of the pledge is to ensure that the implementation of anti-corrruption policies and procedures together with the five principles of corporate integrity are duly implemented at MyIPO.*

Integriti Korporat ini juga sebagai panduan kepada organisasi agar memahami masalah dan risiko yang berkemungkinan berlaku di dalam aktiviti organisasi. Ini bagi memastikan hal-hal yang sememangnya perlu diberi keutamaan diuruskan dan impak daripada perubahan melibatkan pencegahan rasuah dimaksimumkan secara positif sebaik mungkin.

*The Corporate Integrity Pledge also serves as a guidance to the organisation for better understandings of any issues in the organizational activities. This is to ensure that prioritisation of the issues are being dealt with and the impact from the anti-corruption changes are positively maximised.*

## SEMINAR PERSEPSI BUDAYA POSITIF DAN BERINTEGRITI

## *SEMINAR ON PERCEPTION OF A CULTURE OF POSITIVITY AND INTEGRITY*

Pada 24 November 2015, Bahagian Integriti telah menganjurkan seminar yang bertajuk Persepsi Budaya Positif dan Berintegriti bertempat di Dewan Utama Akademi Harta Intelek yang telah disampaikan oleh Dr. Robiah K. Hamzah, seorang perunding motivasi dari Syarikat RKH Motivation and Services.

*On 24 November 2015, the Integrity Division organised a seminar on Perception of a Positive and Integrity Culture at the Main Hall, Intellectual Property Academy. The Seminar was conducted by Dr. Robiah K. Hamzah, a motivational consultant from RKH Motivation and Services.*

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk menerapkan budaya positif dan integriti di kalangan warga kerja MyIPO kerana etika kerja yang positif dan berintegriti penting dan mampu mengubah persepsi masyarakat seterusnya mendapat kepercayaan melalui kredibiliti pekerja yang bermotivasi. Selain itu, ia juga mampu menggalakkan warga kerja MyIPO memberikan idea yang bernas agar mampu menghasilkan perancangan dan pelaksanaan setiap dasar serta program organisasi berjaya sepenuhnya.

*The seminar aimed to inculcate a culture of positivity and integrity among the staff as work ethics and integrity are vital in changing the public view towards the organization and eventually gain the trust through a highly credible and motivated staff. Other than that, such corporate culture also inspires the staff to contribute their ideas in the planning and implementation of each policy as well as to ensure an complete success of the organization's programmes .*

# TEKNOLOGI MAKLUMAT
# INFORMATION TECHNOLOGY

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pantas, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan yang disediakan berada dalam prestasi yang baik dengan menggunakan teknologi terkini. Sistem keselamatan dan kawalan dari kebocoran maklumat juga dipertingkatkan bagi memantapkan keupayaan sistem yang sedia ada.

*Along with the increasingly rapid developments in information technology, MyIPO's Information Technology Division strives to ensure that the highest quality services are provided using the latest technology. The security system and control of information leakages were also strengthened to enhance the capabilities of the existing system.*

Berikut adalah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat sepanjang 2015.

*The following are the initiatives taken by the Information Technology Division in 2015.*

### Penambahbaikan Sistem IP Online

### *Enhancement of The IP Online System*

Dua penambahbaikan Sistem IP Online telah dilaksanakan seperti di bawah iaitu:

a) Penambahbaikan perkakasan dan perisian sistem IP Online untuk menampung beberapa pengguna serentak.
b) Penambahbaikan untuk Fungsian modul paten dan cap dagangan.

*Two improvements to the IP Online System were introduced:*

*a) Enhancement of hardware and software of IP Online System to handle multiple users simultaneously.*
*b) Improvement of modules and functionality for patent and trademark.*

### Portal MyIPO Single Sign-On (Fasa 1)

### *MyIPO Single Sign-On Portal (Phase 1)*

Portal Single Sign On (SSO) Fasa 1 telah mula digunakan di MyIPO pada tahun 2015 bagi menambah baik fungsi capaian melalui teknologi satu tanda pembuka tunggal.

*The first phase of the Single Sign-On (SSO) portal, was implemented in 2015, to improve access function through a single sign-on technology.*

Dengan menggunakan SSO, kakitangan MyIPO dapat melakukan proses pengesahan (authentication) melalui satu tanda pembuka tunggal untuk mendapatkan capaian terhadap beberapa aplikasi yang terdapat di dalam jaringan serta mengelakkan daripada melaksanakan proses pengesahan secara berulang kali. Pelaksanaan teknologi SSO ini menggunakan Lightweight Directory Access Protocol (LDAP) bagi membolehkan pengguna mengakses sistem MyHR, Biometric Smartcard System dan MyInventory

*With the portal, MyIPO staff can perform an authentication processes through a single sign-on in order to obtain access to several applications available in the network and also to avoid repetitive attempts of authentication process. The SSO was implemented through the Lightweight Directory Access Protocol to enable users to access to the MyHR, Biometric Smartcard and MyInventory systems.*

### Security Posture Assessment

### *Security Posture Assessment*

Sistem Posture Assessement (SPA) dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan sistem dan keselamatan ICT yang menimbulkan risiko kepada infrastruktur IT.

*Posture System Assessment (SPA) was conducted aimed at identifying weaknesses and ICT security systems that pose a risk to the IT infrastructure.*

Tindakan keutuhan atau pembaikan yang dibuat dijangka akan mengurangkan risiko akses yang berniat jahat atau tidak sengaja terhadap data MyIPO. Ujian-ujian penembusan dilaksanakan oleh projek SPA terhadap dasar keselamatan ICT, aplikasi web, infrastruktur sistem rangkaian, perkakasan dan pelayan-pelayan sistem.

Laporan SPA yang dikeluarkan menjadi garis panduan dalam melaksana penilaian tahap keselamatan rangkaian, sistem ICT dan laman web di MyIPO serta dapat memperkasakan keselamatan terhadap data, sistem dan rangkaian.

**Penambahbaikan Alat Persidangan Video**

Penambahbaikan alat persidangan video telah dilaksanakan pada Oktober 2015 disebabkan pelbagai faktor terutama sekali kerana peralatan tersebut telah tiada di pasaran. Ia bertujuan untuk menambahkan baik kualiti video dan audio selaras dengan pembangunan teknologi telekomunikasi interaktif terutamanya sistem persidangan video dan audio.

**Penambahbaikan Portal IPR MarketPlace**

Projek penambahbaikan ini bertujuan mengambil alih operasi portal sebelum ini yang berada diluar Sistem Rangkaian MyIPO. Portal ini telah Berjaya dimigrasikan ke Pusat Data MyIPO dengan peralihan kepada perkakasan baru dengan spesifikasi pekakasan yang dipertingkatkan.

**Sistem Pemantauan Prestasi**

Pembangunan sistem ini dijalankan bagi mengemaskini laporan secara atas talian. Ia juga sebagai *one-stop information* center bagi projek tahun semasa.

Sistem ini dapat menghasilkan laporan yang lebih ringkas, tepat dan menyediakan sistem peringatan secara automatik bagi pengemaskinian status projek dari semasa ke semasa. Ia juga dapat memberi fokus kepada pencapaian Sasaran Kerja Tahuan (SKT) dan menghantar laporan status pencapaian projek kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan KPDNKK.

*The improvement actions are expected to reduce the risks of malicious attacks on MyIPO's data. Under the SPA project, penetration tests were conducted on ICT security, web applications, infrastructure and network systems, hardware and servers.*

*The SPA report serves as a guide to evaluate the security level of the network, ICT systems and websites in MyIPO with the ultimate objective of protecting the integrity of data, systems and network.*

***Enhancement of Video Conferencing Equipment***

*MyIPO's video conferencing system was upgraded in October 2015 ultimately because of the old equipment was already obsolete. It aims to increase the quality of video and audio conferencing systems and to be in line with the current interactive telecommunications technology.*

***Enhancement of IPR Marketplace Portal***

*The enhancement project was initiated to relocate the portal, which was previously outside the MyIPO's network system, into the MyIPO's Data Centre. The portal, with new and enhanced hardware specifications, has been successfully migrated to the MyIPO's network system.*

***Performance Monitoring System***

*The monitoring system was developed to create and update on-line reporting. It will also function as a one-stop information center for all the plans in the current year.*

*The system is able to produce simpler and more accurate reports with an automatic reminders to update on the latest status of a project. It will also highlight the achievements under the Annual Work Target indicators and send the project achievement reports to the Implementation Coordination Unit and the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism (MDICC).*

# KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MyIPO
# MyIPO SPORTS AND WELFARE CLUB

Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO telah ditubuhkan bertujuan untuk menjaga kebajikan ahli, menjalankan program amal serta menganjurkan aktiviti sukan dan riadah. Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO berperanan mengeratkan hubungan pekerja di MyIPO dari semua lapisan melalui penglibatan di dalam kegiatan sukan dan aktiviti-aktiviti sosial. Selain itu, ia juga dapat merapatkan perhubungan dan persefahaman dengan jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Selain itu, Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO juga turut melaksanakan beberapa pemberian sumbangan kepada ahli kelab dan golongan yang memerlukan. Antara sumbangan yang telah disalurkan oleh kelab adalah seperti berikut:

i. Cenderahati untuk ahli kelab yang baru berumahtangga
ii. Pemberian wang saguhati dan hadiah galakan kepada anak-anak ahli kelab yang cemerlang dalam pelajaran
iii. Sumbangan Wang Rawatan Hospital
iv. Sumbangan Khairat Kematian
v. Sumbangan Kepada Badan Kebajikan
vi. Sumbangan Bantuan Persekolahan
vii. Sumbangan Kepada Mangsa Bencana Alam

The Sports and Welfare Club which was established as part of MyIPO's staff welfare programme, not only organizes sports and recreational activities but also charity programmes. The club plays an important role in strengthening the bond between staff through participation in sports and social activities as well as enhancing communications and understanding between divisions and other government agencies.

The club also made a number of contributions and donations to club members and to those in need as follows:

*i. Gifts to newlyweds*

*ii. Incentive gifts for members' children who excelled in their studies*

*iii. Hospital treatment donation*
*iv. Funeral donation*
*v. Donation to welfare organisations*
*vi. School aid*
*vii. Donation for disaster victims*

Jadual 1: Program dan Aktiviti yang Dianjurkan Kelab Sukan & Kebajikan MyIPO 2015.
*Table 1: Programmes and Activities Organised by MyIPO Sports and Welfare Club 2015.*

| Bil. *No.* | Program | Tarikh *Date* |
|---|---|---|
| 1. | Ceramah Maulidur Rasul | 23 Januari |
| 2. | Kejohanan Bola Sepak MAKSWIP OPEN<br>*MAKSWIP Open Soccer Championship* | 7 - 8 Mac |
| 3. | Program Belajar Memasak<br>*Learning to Cook Programme* | 7 - 8 Mac |
| 4. | Kejohanan Futsal Tertutup MyIPO<br>*MyIPO Closed Futsal Championship* | 28 Mac |
| 5. | ATV Off Road Rides, Kemensah | 4 April |
| 6. | Hari Keluarga MyIPO<br>*MyIPO Family Day* | 18 April |
| 7. | Majlis Bacaan Yasin Sempena Hari Harta Intelek Negara<br>*Yassin recitation in conjunction with National Intellectual Property Day* | 24 April |
| 8. | Pertandingan Bola Jaring Terbuka INTAN<br>*INTAN Open Netball Competition* | 16 Mei |
| 9. | Program Kepenggunaan dan Kesihatan bersama YB Menteri PDNKK<br>*Consumerism and Health Programme with the Minister of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism* | 24 Mei |
| 10. | Perlawanan Persahabatan Bola Jaring – Pasukan Legend dan KTPM<br>*Netball Friendly: Legend Team and KTPM* | 27 Mei |
| 11. | Kejohanan Dart Tertutup MyIPO<br>*MyIPO Closed Championship* | 6 Jun |
| 12. | Majlis Berbuka Puasa MyIPO<br>*MyIPO Breaking of fast* | 3 Julai |
| 13. | Majlis Khatam Al-Quran<br>*Ceremony Khatam Al-Quran* | 7 Julai |
| 14. | Kejohanan Futsal MAKSWIP<br>*MAKSWIP Futsal Championship* | 22- 23 Ogos |
| 15. | Kelas Tutorial Selendang<br>*Scarf Tutorial* | 28 Ogos |
| 16. | Ceramah Maal Hijrah<br>*Maal Hijrah Talk* | 9 Oktober |
| 17. | Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H / 2015 | 14 Oktober |
| 18. | Kejohanan Boling Piala Ketua Pengarah 2015<br>*Director General's Trophy Volleyball Championship* | 24 Oktober |
| 19. | Pop Kuiz Kelab MyIPO<br>*MyIPO Club Pop Quiz* | 17 - 20 Disember |
| 20. | Kelas Senam Aerobik<br>*Aerobics Class* | Sepanjang tahun<br>*Throughout the year* |
| 21. | Kelas Asas Al-Quran dan Kelas Pengajian Al-Quran | Sepanjang tahun<br>*Throughout the year* |
| 22. | Program Tadarus Al-Quran sempena Ramadhan | Sepanjang Ramadhan<br>*Throughout Ramadhan* |
| 23. | Kuliah Agama MyIPO<br>*MyIPO religious lecture* | Sepanjang tahun<br>*Throughout the year* |
| 24. | Kuliah Muslimat MyIPO<br>*MyIPO Muslim staff lecture* | Sepanjang tahun<br>*Throughout the year* |



# PEMERKASAAN HARTA INTELEK

## *ENPOWERING INTELLECTUAL PROPERTY*

# BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
# CORPORATE COMMUNICATION DIVISION

Sepanjang 2015, MyIPO telah menganjurkan pelbagai program kesedaran meningkatkan kefahaman dan pengetahuan orang ramai mengenai harta intelek di Malaysia. Bagi mendekati masyarakat umum, MyIPO terus bekerjasama dengan KPDNKK serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), usahawan-usahawan, guru-guru dan pelajar-pelajar serta orang awam, melalui penyertaan pameran dan *roadshow* secara berterusan di seluruh negara.

*Throughout 2015, MyIPO has organised various awareness programmes to enhance the level of understanding and knowledge of intellectual property in Malaysia. In reaching out to the public, MyIPO has continued to collaborate with MDTCC, government and non-government agencies, higher learning institutions, entrepreneurs, teachers, students and public through participations in exhibitions and roadshows throughout the country.*

### Liputan Media Elektronik

Ketua Pengarah MyIPO telah ditemubual di MSC Documentary yang membincangkan dan mengetengahkan isu-isu semasa harta intelek. Selain itu, Timbalan Ketua Pengarah (Harta Industri) turut ditemubual di Radio Bernama dan Radio Malaysia Pahangfm bagi menerangkan mengenai maklumat asas harta intelek dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MyIPO.

### *Electronic Media Coverage*

*The Director General of MyIPO was interviewed by MSC Documentary to discuss on current intellectual property issues. In addition, the Deputy Director General (Industrial Property) was also interviewed by Radio Bernama and Radio Malaysia Pahangfm to enlighten the public on IP information and services offered by MyIPO.*

### Liputan Media Cetak

MyIPO telah mendapat liputan eksklusif di media cetak seperti di Kosmo, Utusan Malaysia, Sin Chew Daily, Bernama, Majalah Invention Asia dan Malaysia Progress.

Sebanyak 154 artikel mengenai harta intelek dan program-program MyIPO seperti Persidangan Penilaian Harta Intelek Global (GIPVC), Majlis Anugerah Harta Intelek Negara, Pelancaran *IP Monetisation*, *IP Summer Camp*, Hari Bertemu Pelanggan dan IP Media Forum.

### *Printed Media Coverage*

*MyIPO received exclusive coverage from printed media such as Kosmo, Utusan Malaysia, Sin Chew Daily, Bernama, Invention Asia and Malaysia Progress Magazines.*

*A total of 154 articles on intellectual property and MyIPO's programmes such as Global Intellectual Property Valuation Conference, National Intellectual Property Award Ceremony, Launching of IP Monetisation, IP Summer Camp, Hari Bertemu Pelanggan and IP Media Forum.*

### Media Sosial

MyIPO telah menggunakan medium-medium media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube untuk hebahan program dan aktiviti MyIPO secara berkesan.

### *Social Media*

*Social media namely Facebook, Twitter, Instagram and YouTube was used as a platform to spread MyIPO's programmes and activities effectively.*

### Kempen Kesedaran Harta Intelek

MyIPO telah menyertai sebanyak 155 program kesedaran harta intelek iaitu 149 program dalam negara dan 6 program di luar negara.

### *Intellectual Property Awareness Campaigns*

*MyIPO has participated in 155 intellectual property awareness programmes, of which 149 were local and 6 were overseas programmes.*

## Program Tahunan

Antara program dan aktiviti yang telah dianjurkan adalah Hari Bertemu Pelanggan dan *IP Summer Camp.*

- **Hari Bertemu Pelanggan MyIPO 2015**

Hari Bertemu Pelanggan MyIPO telah diadakan pada 21 Mei 2015 bertempat di Akademi Harta Intelek. Program tersebut adalah sebagai platform kepada stakeholders untuk mendapat khidmat nasihat secara terus dengan para pegawai MyIPO.

- ***IP Summer Camp 2015***

Objektif utama *IP Summer Camp* adalah untuk memberi pendedahan awal dan komprehensif mengenai harta intelek seterusnya menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan generasi muda melalui pendekatan pembelajaran secara santai dan interaktif. Program *IP Summer Camp* 2015 adalah berteraskan kepada empat konsep iaitu Memiliki, Melindungi, Mengkomersial dan Membudayakan Harta Intelek.

Program ini turut mendapat kerjasama dan sokongan dari Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## Program Bersama Media

- **Lawatan ke Bernama**

Anggota Perbadanan dan Pengurusan Tertinggi MyIPO telah mengadakan satu lawatan ke Bernama pada 16 April 2015 untuk mengukuhkan jalinan kerjasama di antara kedua-dua pihak bagi tujuan penyebaran maklumat yang lebih tepat berkenaan harta intelek kepada orang awam.

- ***MyIPO Chillax Session***

Satu program secara santai bersama pihak media dan *follower Facebook* MyIPO telah diadakan pada 30 Disember 2015. Dua aktiviti telah diadakan iaitu forum media dan *FB Chillax Session.*

Program ini memberi ruang kepada penceramah berpengalaman MyIPO dan pihak industri untuk berkongsi maklumat mengenai kepentingan harta intelek dalam strategi perniagaan.

## *Annual Events*

*Among the programmes and activities organised were Hari Bertemu Pelanggan and IP Summer Camp.*

- ***Hari Bertemu Pelanggan MyIPO 2015***

*Hari Bertemu Pelanggan MyIPO was held on 21 May 2015 at the Intellectual Property Academy. The programmes served as a platform to provide advisory services between MyIPO's officers and stakeholders.*

- ***IP Summer Camp 2015***

*The main objective of the camp is to provide early and comprehensive exposure to intellectual property and to encourage creative and innovative thinking to the younger generation through an informal and interactive approach in education. The program is based on four concepts which are Ownership, Protection, Commercialisation and Adoption of IP Culture.*

*The program was a collaborative effort and supported by the Management of Fully Residential Schools and Excellent Cluster Schools Division of the Ministry of Education Malaysia.*

## *Programmes With Media*

- ***Visit to Bernama***

*The Board members and Top Management of MyIPO visited Bernama on 16 April 2015 to forge a closer rapport between the two organisations with the aim to disseminate accurate information on intellectual property to the public.*

- ***MyIPO Chillax Session***

*MyIPO held an informal get-together programme with media practitioners and Facebook followers on 30 December 2015. Two activities namely Media forum and FB Chillax Session were held simultaneously.*

*The programme provides an avenue for MyIPO's experienced speakers and industry players to share their knowledge on the importance intellectual property in business strategy.*

- **Taklimat Media GIPVC 2015**

Taklimat Media telah diadakan pada 7 Mei 2015 untuk memaklumkan mengenai jadual aktiviti GIPVC 2015.

- ***GIPVC Media Briefing***

*A media briefing was held on 7 May 2015 to announce the programme for GIPVC.*

- **Forum Media Digital News Asia (DNA)**

Satu sesi forum bersama Digital News Asia (DNA) telah diadakan pada 14 Mei 2015 dengan ahli panel daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Soft Space dan Adastra IP bagi membincangkan tajuk "IP-Do It Right From The Start".

- ***Forum Media Digital News Asia (DNA)***

*A forum with Digital News Asia (DNA) was held on 14 May together with panelists from Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Soft Space and Adastra IP to discuss on 'IP – Do it Right from the Start'.*

- **Program Bersama Media Pahang**

Sebuah program bertemakan "MyIPO-Media Sehati Sejiwa" telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 9 November 2015 dan disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, Pengerusi MyIPO.

- ***Programme with Pahang Media***

*'MyIPO-Media Sehati Sejiwa' programme was held in Kuantan, Pahang on 9 November 2015 and officiated by Chairman of MyIPO, YB Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail.*

## PROGRAM DAN AKTIVITI MyIPO 2015.
## *MyIPO'S PROGRAMME AND ACTIVITIES 2015.*

Sejumlah 389 program / aktiviti berjaya diadakan sepanjang 2015 adalah termasuk enam program kempen harta intelek di luar negara.

*A total of 389 programmes / activities throughout 2015 were held including six programmes overseas.*



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
# BUSINESS DEVELOPMENT DIVISION

Bahagian Pembangunan Perniagaan adalah terdiri daripada Unit Pemasaran, Jaringan Perniagaan dan Pemerkasaan Bumiputera, dan Unit Penilaian Harta Intelek dan menumpukan kepada strategi untuk meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan serta mentadbir urus bidang penilaian harta intelek (IPV).

*Business Development Division consists of two units, namely Marketing, Business Network and Bumiputera Empowerment Unit, as well as Intellectual Property Valuation Unit and focuses on strategies to increase filings of local intellectual property and govern the field of intellectual property valuation.*

Pendekatan dengan mengadakan beberapa program "road show" Kesedaran Kepentingan Perlindungan Harta Intelek telah berjaya dilaksanakan bersama Pejabat Cawangan MyIPO Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Utara, Pejabat KPDNKK Kelantan serta universiti awam.

*Series of road shows on the importance of protecting intellectual property has been organised in collaboration with MyIPO Branch Offices in the Eastern, Southern and Northern zones together with Kelantan MDTCC Office as well as public universities.*

Selain itu, program ini turut menggalakkan golongan sasaran yang berkelayakan khususnya di kalangan peguam bumiputera dan pelajar teknikal serta perundangan di institusi pengajian tinggi untuk menceburkan diri sebagai ejen harta intelek.

*In addition, the programme encourages qualified target group especially those among bumiputera legal practicitioners as well as technical and law students in institutions of higher learning to take up careers as intellectual property agents.*

Di samping menganjurkan program/seminar, jalinan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan, dewan perniagaan serta syarikat swasta tetap diteruskan antaranya kerjasama yang terjalin bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Institute of Approved Company Secretaries (IACS), Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Selangor, Dewan Perniagaan Melayu Negeri Selangor, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Malaysia Automotive Institute (MAI), MYNIC Berhad, UKM, USM, UTP, SNF Technique Sdn Bhd, Sanderson Design Group, Life Record, Sandman Sdn Bhd, Comfort Home Design Sdn Bhd, Global Prima Utara, Empire Film Solution, Sukasucre Sdn Bhd, EMI Records, Living Star Sdn Bhd dan The Magician Bros Sdn Bhd.

*Aside from organising the programmes, efforts to foster greater cooperation with government agencies, associations, chambers of commerce and private companies continued to be carried out. Among the organisations involved were the National Institute of Entrepreneurship, Companies Commission of Malaysia, Malaysia Design Development Centre, Kedah State Development Corporation, National Entrepreneurs Corporation Berhad, Institute of Approved Company Secretaries, Selangor Hawkers and Petty Traders Association, Selangor Malay Chamber of Commerce, Malaysia Fisheries Development Board, Malaysia Automotive Institute, MYNIC Berhad, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Petronas, SNF Technique Sdn Bhd, Sanderson Design Group, Life Record, Sandman Sdn Bhd, Comfort Home Design Sdn Bhd, Global Prima Utara, Empire Film Solution, Sukasucre Sdn Bhd, EMI Records, Living Star Sdn Bhd and The Magician Bros Sdn Bhd.*

## UNIT PENILAIAN HARTA INTELEK

## *INTELLECTUAL PROPERTY VALUATION UNIT*

Beberapa program yang dirancang selaras dengan inisiatif penilaian harta intelek telah Berjaya diadakan pada tahun 2015. Program tersebut seperti berikut:

*Several programmes which were planned in line with the intellectual property valuation initiative were successfully carried out in 2015. The programmes were:*

a) Global *IP Valuation Conference 2015*
9 - 10 Julai 2015, Double Tree by Hilton, Kuala Lumpur

b) Lawatan Kerja *IP Valuation, IP Financing, IP Marketplace* ke China

Lawatan kerja yang dihadiri seramai 15 orang delegasi diketuai oleh YB Menteri telah diadakan pada 26 April – 2 Mei 2015.

c) Promosi *IPR Marketplace* di Institut Pengajian Tinggi Awam

Perjumpaan dengan beberapa buah institusi pengajian awam iaitu Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diadakan bagi mempromosi program-program berikut:

- Portal *IPR Marketplace*

Mempromosi inisiatif baru MyIPO untuk meningkatkan permohonan harta intelek tempatan dan juga untuk mengenalpasti produk – produk inovasi yang berpotensi di universiti tersebut untuk pendaftaran paten dan juga untuk disenaraikan di Portal *IPR Marketplace.*

- *IP Monetisation Roadmap*

The *IP Monetisation Roadmap* 2016 – 2020 telah diwujudkan dan pelancaran halatuju telah disempurnakan oleh YAB PM semasa majlis Anugerah Harta Intelek Negara pada 10 September 2015.

**Penyertaan MyIPO dalam Program 1 ASEAN Entrepreneurship Summit (1AES)**

MyIPO telah menganjurkan program *IP Connect* di bawah 1AES. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan perlindungan

*a) Global IP Valuation Conference 2015*
*9 - 10 July 2015, Double Tree by Hilton, Kuala Lumpur*

*b) Working Visit to China on IP Valuation, IP Financing, IP Marketplace*

*A delegation of fifteen led by the Minister of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism made a working visit to China from 26 April to 2 May 2015.*

*c) Promotion of IPR Marketplace in Public Institutions of Higher Learning*

*Meetings were held with public educational institutions such as Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Sarawak and Universiti Malaysia Sabah to promote MyIPO's programmes such as:*

- *Portal IPR Marketplace*

*To promote MyIPO's new initiatives to increase local applications for intellectual property as well as to identify potential innovative products from these universities which could then be registered and listed on the IPR Marketplace portal.*

- *IP Monetisation Roadmap*

*The IP Monetisation Roadmap 2016 – 2020 was created and launched by the Prime Minister at the National Intellectual Property Award ceremony on 10 September 2015.*

***1ASEAN Entrepreneurship Summit (1AES)***

*In conjunction with 1AES programme, MyIPO has organized IP Connect to increase the level of understanding of the importance of intellectual*

harta intelek dengan mengadakan aktiviti *IP Talk, IP Clinic* dan *IP Filing.*

*IP Talk* memberi pendedahan kepada peserta program dengan informasi harta intelek, *IP Clinic* menyediakan khidmat konsultasi kepada usahawan, pereka cipta dan orang awam. Manakala *IP Filing* menyediakan dana pemfailan harta intelek yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan untuk peserta program yang layak.

Program *IP Talk* dan *IP Clinic* telah diadakan sebanyak 9 program sepanjang 2015.

*property protection through IP Talk, IP Clinic and IP Filing activities.*

*Participants of IP Talk were exposed to the latest intellectual property information while IP Clinic provided consultation to entrepreneurs, inventors and the public. Besides that, IP Filing activity provided funds from the Ministry of Finance to qualified participants to file their IP applications.*

*A total 9 IP Talk and IP Clinic programmes were held throughout 2015.*

### Penilaian IP Syarikat Tempatan

MyIPO telah mengadakan kerjasama dengan Malaysia Debt Ventures, My Creative Ventures, Bank Rakyat dan SMECorp dalam mengenalpasti syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai harta intelek yang sesuai untuk penilaian.

Penilaian ini telah dijalankan oleh Penilai Harta Intelek tempatan dan juga luar negara. Kos bagi penilaian harta intelek syarikat-syarikat ini juga telah dibiayai oleh MyIPO dan penilaian telah dijalankan ke atas 6 syarikat iaitu Malaysian Solar Resources Sdn Bhd, Kineflux Sdn Bhd, Les Copaque Production Sdn Bhd, Lewre International Sdn Bhd, Melinda Looi dan Thinking Green Sdn Bhd.

### *Local Intellectual Property Company Valuation*

*MyIPO has collaborated with Malaysia Debt Ventures (MDV), MyCreative Ventures, Bank Rakyat and SMECorp in identifying intellectual property owned by local companies that are suitable for valuation.*

*The valuation, conducted by local and foreign intellectual property valuers, was financed by MyIPO and was conducted on the following 6 companies such as Malaysian Solar Resources Sdn Bhd, Kineflux Sdn Bhd, Les Copaque Production Sdn Bhd, Lewre International Sdn Bhd, Melinda Looi and Thinking Green Sdn Bhd.*

# AKADEMI HARTA INTELEK
# INTELLECTUAL PROPERTY ACADEMY

Akademi Harta Intelek (IPA) bertanggungjawab bagi menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang harta intelek di Malaysia. Program-program latihan harta intelek yang dianjurkan melibatkan sektor kerajaan dan swasta, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Institusi Pengajian Tinggi, Institut Penyelidikan dan orang perseorangan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan pengetahuan mereka dalam bidang harta intelek.

Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi, model ekonomi baru berteraskan harta intelek perlu diperkenalkan. Sehubungan itu, IPA berperanan untuk memupuk masyarakat kearah membudayakan harta intelek di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

IPA telah mengambil langkah yang proaktif dengan menyediakan program-program latihan untuk kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti dalam pelbagai bidang berkaitan harta intelek seperti;

a) Seminar Meningkatkan Kefahaman Mengenai Harta Intelek
b) Kursus Prosedur Pendaftaran Harta Intelek
c) Kursus Pendrafan Paten
d) Kursus Carian dan Penyelidikan Paten
e) Seminar Meningkatkan Pendapatan Melalui Pengurusan Harta Intelek

## DASAR TUJUH HARI LATIHAN

IPA bertanggungjawab dalam memastikan dasar tujuh hari latihan setahun dapat dilaksanakan dengan objektif untuk melahirkan pegawai yang cekap, kompeten dan berpengetahuan.

Sebanyak 92% daripada keseluruhan warga kerja MyIPO telah memenuhi dasar yang telah ditetapkan.

## PENCAPAIAN

Sejumlah 151 program termasuk seminar, bengkel, kursus dan latihan telah dikendalikan oleh IPA.

*The Intellectual Property Academy (IPA) is responsible in providing training and education in the field of intellectual property in Malaysia. The intellectual property training programmes involve public and private sector, small and medium sized industries, institutions of higher learning, research institutions and individuals with the objective to increase their awareness, understanding and knowledge in intellectual property.*

